



LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
KE-11

الوزراء  
الوطنية



LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
KE-11





LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA  
KE-11

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2012



Cetakan Pertama 2012  
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2012

*Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.*

Dicetak oleh  
Percetakan Info Meditasi Sdn. Bhd.  
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1  
Taman Industri Balakong Jaya  
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan



## KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Anggota Panel Anugerah Sastera Negara</i>	ix
<b>LAPORAN PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA KE-11</b>	1
Pendahuluan	3
Puisi	10
Cerpen	22
Drama	35
Esei dan Kritikan	40
<b>LAMPIRAN</b>	43
<i>Lampiran 1</i> Biodata	45
<i>Lampiran 2</i> Senarai Karya	48
<i>Lampiran 3</i> Senarai Karya dalam Terjemahan/Terjemahan Karya	77
<i>Lampiran 4</i> Senarai Sumbangan Profesional, Aktiviti Sastera dan Masyarakat	79
<i>Lampiran 5</i> Senarai Hadiah, Anugerah dan Gelaran	85



<i>Lampiran 6</i>	Senarai Latihan Ilmiah dan Tesis tentang Karya Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)	88
<i>Lampiran 7</i>	Senarai Tulisan tentang Karya Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)	90





## PRAKATA

**B**UKU laporan ini ialah sebuah penerbitan tentang sumbangan penerima Anugerah Sastera Negara Ke-11 yang disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara.

Pada tahun 1981, buku laporan seumpama ini telah diterbitkan iaitu tentang Keris Mas, penerima Anugerah Sastera Negara yang pertama, diikuti oleh Shahnnon Ahmad (1982), Usman Awang (1983), A. Samad Said (1985), Arena Wati (1987), Muhammad Haji Salleh (1991), Noordin Hassan (1993), Abdullah Hussain (1996), S. Othman Kelantan (2003), dan Anwar Ridhwan (2009).

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam “Warkah Dasar” Anugerah Sastera Negara, pencalonan bagi Anugerah ini haruslah memenuhi “syarat-syarat mengemukakan calon” yang antaranya, pencalonan hendaklah mengemukakan hujah secara bertulis berdasarkan: penilaian mengenai karya sastera calon tersebut, penilaian tentang sumbangan fikiran calon tersebut yang berkaitan dengan dunia sastera, dan penilaian yang saksama tentang kegiatan calon tersebut yang mendorong ke arah pembinaan dan pengembangan sastera kebangsaan, jika ada.

Syarat-syarat di atas ialah dasar yang menjadi perhatian utama ahli-ahli Panel Anugerah Sastera Negara Ke-11 ketika mengadakan perbincangan bagi menentukan penulis



yang layak, yang akan menerima Anugerah ini. Panel telah mengadakan beberapa perbincangan untuk meneliti sumbangan serta kekuatan calon. Panel akhirnya memilih sasterawan Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) sebagai penerima Anugerah Sastera Negara Ke-11, tahun 2011.

Penghargaan dan penghormatan negara yang diberikan kepada Ahmad Kamal Abdullah ialah:

- i. Warkah Penghormatan Negara.
- ii. Wang tunai sebanyak RM60 000.00.
- iii. Penerbitan sebanyak 50 000 naskhah buku atau nilai harga buku berjumlah maksimum RM500 000.00 untuk dibeli oleh kerajaan dan disebar dengan luasnya ke sekolah, perpustakaan, jabatan, dan agensi kerajaan.
- iv. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan.
- v. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta karya sastera.
- vi. Kemudahan untuk menerbitkan karya.
- vii. Penterjemahan karya yang sesuai ke dalam bahasa asing.

Dengan ini, Urus Setia mempersembahkan laporan kajian dan penelitian terhadap sumbangan Ahmad Kamal Abdullah yang telah disediakan oleh Panel Anugerah Sastera Negara Ke-11.

**Urus Setia**  
**Panel Anugerah Sastera Negara**



## **ANGGOTA PANEL ANUGERAH SASTERA NEGARA**

### **Pengerusi**

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin  
Menteri Pelajaran Malaysia

### **Timbalan Pengerusi**

YBhg. Dato' Haji Termuzi Haji Abdul Aziz  
Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka  
(sehingga 31 Januari 2012)

### **Setiausaha**

Encik Sallehuddin Abg. Shokeran  
Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera  
Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Penolong Setiausaha**

Puan Hajah Zaiton Haji Ajamain  
Ketua Bahagian Promosi dan Pengiktirafan  
Dewan Bahasa dan Pustaka (Oktober 2009 – November 2010)

Tuan Haji Mohamad Yussop Ishak  
Ketua Bahagian Promosi dan Pengiktirafan  
Dewan Bahasa dan Pustaka (Disember 2010 – November 2011)



## **Panel**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Md. Salleh Yaapar

YBhg. Prof. Dato' Dr. Haji Hashim Awang

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar

YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal Kling

YBhg. Prof. Dr. Haji A. Wahab Ali

YBhg. Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan

YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Baharudin Ahmad

YBhg. Prof. Madya Dr. Krishanan Maniam

YBhg. Dr. Wong Soak Koon



**LAPORAN  
PANEL ANUGERAH SASTERA  
NEGARA KE-11**





Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal Abdullah  
(Kemala)



## PENDAHULUAN

**K**EMALA atau yang dikenal juga sebagai Akmal Jiwa merupakan nama pena Dato' Dr. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah. Beliau dilahirkan di Gombak, Selangor, pada 31 Januari 1941.

Ahmad Kamal bin Abdullah lahir dalam keluarga terdidik pada masa itu. Ayahnya merupakan lulusan Junior Cambridge dari Malay College Kuala Kangsar, Perak, iaitu sekolah elit yang khusus didirikan oleh penjajah Inggeris untuk mendidik anak raja dan elit baru Melayu. Datuknya Haji Daud bin Baginda Muda berasal dari Pasaman, Rao Minangkabau, membawa diri ke Klang dan terus menetap di Ketari, Bentong, Pahang. Beliau menikahi Naimah, iaitu anak perempuan penghulu Setapak, bernama Khatib Koyan. Nama moyang Ahmad Kamal ini diabadikan pada nama sebatang jalan di Kampung Baru, Kuala Lumpur, iaitu Jalan Khatib Koyan.

Ibu Ahmad Kamal bernama Rukiyah binti Amir (meninggal dunia pada 15 Jun 1957), merupakan ibu yang penyayang dan sering bercerita serta membacakan syair kepada si kecil Ahmad Kamal sebelum tidur. Kelembutan ibu dan dendangan syair serta cerita-cerita ini membekas dalam jiwa Ahmad Kamal. Lanjutan daripada itu, sejak Darjah 5 di Sekolah Melayu Kampung Batu, Kuala Lumpur



lagi, Ahmad Kamal sudah mula memupuk cita rasa seninya dengan membaca buku yang terdapat di perpustakaan sekolah tersebut. Pada masa itu, beliau sudah terdedah dengan *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hamlet* dan banyak lagi karya yang terdapat dalam perpustakaan kecil di sekolah tersebut. Apabila beliau berpindah ke Sekolah Melayu Prince's Road, Jalan Raja Muda, Kampung Baru, Kuala Lumpur, Maaruf Mahmud, guru besar sekolah tersebut yang terkenal sebagai pengarang sastera kanak-kanak, telah melantiknya menjadi Setiausaha Taman Bacaan, iaitu perpustakaan sekolah tersebut. Semasa Ahmad Kamal mula bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1968, beliau bertugas dalam satu pejabat dengan Maaruf yang telah berpindah bekerja di DBP sebelum itu.

Pada tahun 1956, Ahmad Kamal terpilih menjadi guru pelatih, dan mengajar di Sekolah Melayu Jeram, Kuala Selangor. Beliau berulang-alik pada setiap hari Sabtu kerana menghadiri kelas Guru Pelatih di Sekolah Melayu Kampung Baru dan kemudian kelas itu berpindah pula ke Sekolah Melayu Tanjong Karang, Selangor, berdekatan dengan tempat beliau bertugas. Pada tahun 1958, beliau terpilih melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjong Malim, Perak, dalam kelas A, iaitu kelas bagi guru pelatih yang terpandai yang mendapat markah tertinggi untuk memasuki maktab tersebut. Di situ, beliau terdidik dalam bidang akademik bagi membolehkannya mengambil peperiksaan LCE Type, iaitu Sijil Rendah Pelajaran dalam Bahasa Melayu, khas untuk pelajar-pelajar MPSI dan Malay Women Training College (MWTC) bagi membolehkan mereka mengikuti kursus perguruan di maktab-maktab tersebut. Ketika ini MPSI sudah mula mengambil pelajar daripada sekolah menengah Inggeris. Kelompok pelajar seangkatan dengan Ahmad Kamal, dan kelompok pelajar setahun sebelumnya terpaksa belajar lima tahun; tiga tahun untuk persediaan akademik dan dua tahun lagi untuk ilmu perguruan. Ahmad Kamal berjaya memperoleh sijil tersebut





dan seterusnya mengikuti kursus perguruan. Beliau tamat pengajian pada tahun 1963 dengan dianugerahi Sijil Perguruan Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dengan tauliah mengajar dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Pendidikan akademik beliau berikutnya bersifat autodidik, iaitu belajar sambil bekerja, melalui pos dan pengajian luar kampus. Dengan cara ini beliau berjaya memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (1963), Sijil Tinggi Persekolahan (1974), Ijazah Sarjana Muda Sastera Kepujian (Universiti Sains Malaysia, 1980), Ijazah Sarjana Sastera (Universiti Sains Malaysia, 1985) dan Ijazah Doktor Falsafah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000). Di celah-celah kesibukan bekerja dan belajar sambil bekerja itu, beliau sempat pula berkursus BMP di Makati, Filipina (1990) dan menyertai *International Writing Program*, Universiti Iowa, Iowa City, U.S.A. (1993), institusi akademik dan penulisan yang tersohor di dunia di bawah pimpinan profesor dan penyair Amerika yang terkenal, iaitu Dr. Paul Engle.

Ahmad Kamal bin Abdullah telah memulakan kerjaya penulisannya sejak tahun 1954 lagi, iaitu sejak di bangku sekolah Melayu. Sehingga kini, selama 57 tahun, beliau terus-menerus berkarya tanpa mengenal jemu. Bakatnya diserlahkan semasa beliau belajar di MPSI. Pada ketika itu, karya-karyanya telah menjengah di dada-dada akhbar dan majalah tanah air, antaranya *Utusan Pemuda*, *Waktu*, *Hiburan*, *Mutiara*, *Mastika*, *Bulanan Malaya*, *Utusan Zaman*, dan *Berita Minggu*. Beliau juga mementaskan dramanya berjudul "Lembayung Senja" di Dewan Suluh Budiman di MPSI. Seterusnya, beliau tidak jemu-jemu menulis, hatta apabila beliau ditukarkan mengajar di daerah pedalaman di Selangor pada masa itu seperti di Sekolah Melayu Tiram Buruk, Tanjong Karang (1963-1967) dan di Sekolah Teluk Gong, Klang (1968), beliau bergaul bersama-sama dengan petani dan mereka yang "kelaparan" tanah. Jerit derita, dan sumsum sengsara para petani dan para



marhaen Tanjung Karang dan Teluk Gong itu terungkap tajam dalam sajak-sajak yang sebahagiannya termuat dalam kumpulan puisinya *Timbang Terima* (1970).

Korpus karya Kemala (Ahmad Kamal menggunakan nama pena ini dalam kebanyakan karya kreatifnya), terdiri daripada genre puisi, cerpen, drama, cerita kanak-kanak, penulisan esei dan buku ilmiah. Bakatnya merendang dan namanya menjulang, apabila beliau bekerja di DBP sejak tahun 1968, bermula sebagai penolong penyunting, kemudian menjadi editor majalah sastera dan berbagai-bagai lagi, dan akhirnya bersara pada tahun 1996 sebagai Ketua Bahagian Kesusasteraan Bandingan.

Jumlah puisi yang dihasilkan Kemala banyak sekali, dan ini terbukti daripada kumpulan puisi perseorangannya yang telah terbit sebanyak 11 buah. Judul-judul puisi perseorangannya ialah *Timbang Terima* (1970), *Meditasi* (1972), *Era* (1975), *Kaktuskaktus* (1976), *Ayn* (1983), *Pelabuhan Putih* (1989), *Titir Zikir* (1995), *MIM* (1999), *Ziarah Tanah Kudup* (2006), *Syurga ke Sembilan* (2009) dan *Sumsum Bulan Rawan* (2011). Puisinya juga termuat sekurang-kurangnya dalam 25 buah antologi. Kumpulan cerpennya yang telah diterbitkan berjumlah tiga buah, iaitu *Anasir* (1983), *Firuzia, Firuzia* (1990) dan *Laut Takjub* (2011). Cerpen beliau dalam antologi pula sebanyak lapan buah. Dramanya sebanyak lima buah, iaitu *Malam Perbitungan* (1966), *Anna* (1972), *Di Bumi Lain* (1976), *Kelongsong* (1985) dan *Cinta Pending Numera* (2011). Buku kanak-kanak pula sebanyak dua buah, iaitu *Melur, Melur Si Bunga Melur* (1974) dan *Lani Anak Tani* (1977). Jumlah kajian ilmiah dan esei yang dihasilkannya banyak sekali.

Sejak tahun 1960-an, Kemala telah menjadikan “kebenaran, kejujuran, keindahan, ketuhanan dan kemanusiaan” sebagai landasan falsafah penulisanannya. Semua itu dimantapkannya apabila beliau menjadikan “cinta” sebagai inti dalam koleksi puisi *Meditasinya*. *Meditasi* menyorot hakikat kehidupan yang tidak dapat dipisahkan daripada cinta. Cinta yang luas dan universal, yang semuanya berasal daripada cinta Ilahi memang



sesuai dengan ajaran Islam seperti yang difahami Kemala, yang di dalamnya manusia dilahirkan sebagai khalifah Allah di dunia yang fana.

Sepanjang lebih setengah abad berkarya, Kemala telah mendapat banyak anugerah dan penghargaan dari dalam dan luar negara, antaranya termasuklah Anugerah S.E.A Write Award daripada Thailand (1986), Anugerah Pujangga daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (2002), Anugerah Sasterawan Negeri Selangor (2005), Anugerah Abdul Rahman 'Auf (2006), Anugerah Sastera Siber (2010), Anugerah Tokoh Alumni UPSI (2011), Hadiah Karya Sastera (1972, 1975, 1976), Hadiah Sastera Malaysia (1992/93, 1995) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (1997, 1998/99). Pada tahun 1986, beliau dianugerahi pingat AMN, dan pada tahun 1996, menerima KMN daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada 13 Mac 2001, DYMM Sultan Selangor menganugerahkan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) dengan gelaran Dato' kepada beliau.

Di samping penghargaan tersebut, komuniti akademik turut memberikan perhatian terhadap karya-karya beliau dengan mengkajinya secara mendalam. Setakat ini, lapan buah kajian yang terdiri daripada latihan ilmiah, disertasi dan tesis PhD telah menggunakan karya-karya Kemala sebagai korpus penelitian. Sejumlah 46 buah esei yang menanggapi karya beliau telah dihasilkan oleh pelbagai kalangan, daripada para sarjana hinggalah wartawan dan mereka yang mengagumi keindahan seni sastera ciptaan beliau.

Sesungguhnya, karya-karya Kemala mempunyai mutu yang tinggi, dengan daya renungan yang dalam, daya cipta yang menarik dan nilai estetik yang mengagumkan. Tidak hairanlah karya-karyanya, terutama puisi, bukan sahaja diminati dan menjadi ikutan generasi baru, malahan diminati oleh para sarjana dari dalam dan luar negara. Hal ini terbukti melalui bilangan hadiah, anugerah dan penghargaan yang diterimanya serta kajian dan tanggapan pencinta karya seninya. Kejayaan karya puisinya pada peringkat antarabangsa dibuktikan



melalui penterjemahan puisinya ke dalam banyak bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina, Urdu, Perancis, Jerman, Belanda, Slovenia, Sepanyol dan Serbo-Croatia.

Kemala terkenal juga sebagai peneroka berbagai-bagai jenis kegiatan pengembangan dan pemasyarakatan sastera Melayu dan antarabangsa. Beliau ialah tokoh yang bertanggungjawab mengasaskan tradisi baca puisi pada peringkat antarabangsa di Malaysia, iaitu Pengucapan Puisi Dunia Kuala Lumpur yang bermula pada tahun 1986. Beliau sendiri amat aktif dalam kegiatan pengucapan puisi, bukan sahaja dengan menjelajah ke pelosok tanah air, malah ke merata-rata kota besar di dunia, termasuk Sydney, Canberra, Melbourne, Perth, Jakarta, Den Pasar, Seoul, Sturga, Hong Kong, Tokyo, Koln, Paris, Santa Cruz, London, Iowa City, Sarajevo, Solo dan Bandung. Yang amat menonjol dari segi baca puisinya ialah gaya, sebutan dan rentak suara pembacaannya yang lunak dan menjadi ikutan dalam kalangan generasi muda. Dalam dunia pergerakan sastera, beliau telah mengasaskan penubuhan Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia pada tahun 1993. Tidak kurang pula pentingnya, iaitu pada tahun 1989, beliau menjadi utusan DBP ke Eropah menemui para profesor di sana dengan membawa idea bagi penubuhan Kursi Pengajian Melayu. Beberapa tahun kemudian, tertubuhlah Kursi Pengajian Melayu di Universiti Leiden, Belanda. Selain itu, Kemala amat aktif membentangkan kertas kerja untuk memasyhurkan sastera Melayu moden, terutama puisi dalam pelbagai seminar kebangsaan dan antarabangsa, di Malaysia dan pusat pengajian Melayu di seluruh dunia.

Selain terkenal sebagai penyair dan penulis dalam genre kreatif yang lain, Kemala yang berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang kesusasteraan juga seorang sarjana yang tekun serta tajam penanya. Beliau aktivis sastera yang tidak kenal akan erti bersara. Beliau telah menulis dan mengedit lebih daripada 30 buah buku kajian sastera dan menghasilkan puluhan esei dan kertas kerja. Sebagai aktivis sastera, Kemala ialah pemimpin berjasa dalam Persatuan Penulis Nasional (PENANA)



dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA), dan kini masih memimpin Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia dan Persatuan Sasterawan Numera Malaysia. Dalam Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia, banyak usaha yang telah dijalankan untuk membandingkan sastera Melayu dengan sastera bahasa lain. Semasa bertugas sebagai pegawai sastera di DBP, beliau banyak mendorong usaha untuk membuat kajian perbandingan sastera Melayu dan Mahua serta Tamil, dan usaha ini membuka peluang untuk membawa ketiga-tiga cabang sastera di Malaysia di bawah satu bumbung dengan tujuan mencapai kesatuan sastera Malaysia.

Kemala pernah menjadi pengajar penulisan kreatif di Universiti Malaya, dan sejak tahun 2008 hingga kini, beliau menjadi Sarjana Tamu di Universiti Putra Malaysia. Beliau juga mempunyai blog untuk berinteraksi dengan generasi muda dalam alam siber. Idea dan pandangan beliau terhadap persoalan dalam dunia sastera disebarkan melalui blognya yang sekali gus menjadi wadah bagi menampung karya-karya beliau yang baharu dan lama. Di samping itu, beliau juga mewujudkan satu rangkaian perkongsian web dengan kumpulan maya di Indonesia dan Malaysia. Semua ini menunjukkan bahawa Kemala ialah seorang penggiat seni yang tidak pernah lelah dan terus berusaha untuk mengangkat martabat seni dan sastera Malaysia.



## PUISI

**K**EJAYAAN dan kebesaran seseorang pengarang bergantung kepada beberapa faktor yang saling berkaitan, antaranya termasuklah kehebatan kraf kepengarangannya, kehalusan bahasanya dan kepekaannya terhadap realiti serta kehidupan di sekelilingnya. Kehadiran ketiga-tiga faktor ini dalam diri seseorang pengarang secara serentak biasanya dapat menjamin keindahan (*dulce*) karya sasteranya bersama-sama manfaatnya (*utile*) untuk manusia. Seterusnya, hal ini menjadikan karyanya persis yang pernah diungkapkan oleh Vladimir Braginsky dari Rusia, iaitu suatu ciptaan “yang indah lagi berfaedah”. Sebagai hasil seorang sasterawan yang cukup matang dan mapan, korpus sastera Kemala, khususnya puisi, jelas memiliki sifat-sifat asasi ini. Malah, lebih daripada itu karya-karyanya juga memperlihatkan kejernihan wawasannya, kekuatan daya *al-khayyal* atau imajinasinya, kedalaman pengalaman, dan kecekapan seorang tukang yang sentiasa tekun mencanai karyanya. Hal ini semua menjadikan Kemala bukan sekadar seorang penulis Malaysia yang terkenal dan berjaya, bahkan sasterawan ulung yang karya-karyanya sentiasa memperkaya khazanah kesusasteraan di Malaysia dan Nusantara.

Kemala sesungguhnya suatu nama besar dalam kesusasteraan Melayu masa kini, terutama dalam bidang puisi. Beliau dikenal bukan sahaja di Malaysia, bahkan juga



di Singapura, Brunei, Indonesia, dan di kebanyakan tempat yang terdapat pengajian sastra Melayu. Kemala menulis sejak di sekolah lagi, iaitu ketika berusia belasan tahun. Namun begitu, bakatnya mula menyerlah semasa menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris, dan kegiatan penulisannya berterusan hingga sekarang. Kreativitinya sentiasa berkembang kerana beliau sentiasa bereksperimen dan membaharui pengucapan seninya.

Korpus sastra Kemala yang dibina dengan tekal dalam tempoh lebih lima dasawarsa, meliputi puisi, cerpen, drama, esei, kritikan dan kajian. Namun, antara yang banyak ini, genre puisilah yang paling menonjol untuk mewakili diri dan kepengarangan beliau. Sebagai penyair Melayu moden, kedudukan Kemala dikukuhkan bukan sahaja oleh kepekaannya terhadap realiti hidup semasa dan perkembangan sastra kontemporari, bahkan juga dan terutamanya oleh pautannya terhadap paradigma kehidupan Melayu-Islam tradisional dan warisan sastra kerohanian. Justeru, puisi dan karyanya yang lain sentiasa segar dengan persoalan kontemporari, penerokaan dan inovasi, serta mekar pula dengan imbauan rohani dan unsur-unsur tradisi.

Kepekaan Kemala terhadap isu dan persoalan kontemporari jelas dalam puisi-puisinya yang membicarakan kisah hidup masyarakat seharian dan peristiwa-peristiwa pahit manis di sekitar negara ini mahupun perkembangan serta pergolakan pada peringkat antarabangsa. Dalam kumpulan puisinya yang awal, *Timbang Terima* (1970) umpamanya, Kemala banyak melukiskan penderitaan kaum tani dan nelayan. Pada masa yang sama, beliau juga berbicara tentang sifat manusia dan sikapnya terhadap sesuatu subjek, termasuk kuasa yang ada di tangannya. Bagi Kemala, kuasa yang ada pada manusia, sama ada ia seorang diktator yang angkuh atau tokoh politik yang rakus, akan menjadi tidak kekal. Dalam hal ini, seperti Shelley yang mengkaji runtuhnya kuasa raja-raja zaman kuno melalui sajaknya yang berjudul "Ozymandias", Kemala mengungkapkan tentang "kehancuran" yang datang dengan



tiba-tiba kepada mereka yang angkuh:

Ombak keras Pasifik menghambat armada perang  
Memecah, memukul, meremuk, merangsang  
Gempabumi tiada kenal cintakasih  
Suara kasarnya menggilas alam.  
Semua menjadi abu  
Semua menjadi debu.

(*Timbang Terima*, 1970)

Sesungguhnya, takhta dan kuasa, harta dan nama, tidak kekal buat selamanya. Hal ini kerana manusia sebenarnya cuma penghijrah dan penziarah dalam dunia yang sementara. Hanya Tuhan yang kekal. Namun, manusia berpotensi hidup bahagia sekiranya mentaati ajaran-Nya.

Keprihatinan Kemala terhadap masalah bangsa Melayu dan umat Islam terpancar secara khusus dalam koleksi *Ziarah Tanah Kudup* (2006). Dalam sajak-sajak ini beliau berbicara dengan penuh kepekaan tentang isu perpaduan Melayu, kepemimpinan politik, dan nasib bahasa Melayu yang dirundung malang. Semua ini dapat dihayati dalam sajak-sajak “Surat Wasiat”, “Lidah Ibuku”, “Danaunya di Langit”, “Dialog Makrifat”, “Langit Kelabu Kuala Lumpur, September 1998”, “Di Kota Bharu Kelantan Sebelum Muncul Fajar Alaf Baru”, “Balada Kambing Gurun” dan “Latah”.

Selain persoalan masyarakat Melayu, Kemala juga amat prihatin terhadap nasib umat Islam global, terutama di Palestin, Afghanistan dan Iraq. Negara-negara ini dahulunya subur dan terkenal dengan alim ulama dan para pejuang yang sedia berkorban apa-apa sahaja demi Islam dan kaum Muslimin. Kemala menginsafi bahawa bumi bertuah itu kini telah menjadi gersang dan kudup akibat pertelingkahan dalaman dan penjajahan oleh kuasa luar. Kini semuanya menjadi mangsa Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya, yang diumpamakan penyair sebagai “serigala bakupmata”, iaitu kelompok manusia yang ganas dan sentiasa mencari mangsa yang alpa. Dalam konteks inilah, umpamanya, Kemala menampilkan sajak “Pohon Emas Alif” dengan bait-bait seperti yang berikut:





Semuanya dalam kucupan takdir  
Pohon Emas Alif  
Bergoyangan dalam seni tarinya  
Di kamar rahsia Pentagon  
Para jeneral berpacu menggemas nafsu  
“Peta asal Iraq bakal dirubah  
Sekutu, Sunni, Kurdisy, Syiah!”  
Tentera penceroboh atau perampok  
Siap memanggul amanah  
Presiden rakus serigala bakupmata  
Mengoyak “Malu” dan “Serakah”  
Kita “superiority” mengatasi PBB  
Pemerintah Agung  
Dengan biaya seratus bilion  
Kepaduan tentera 200 ribu, sekutu  
Akan mengikat Baghdad  
Mengajar si kurang ajar  
Diktator suku abad tak mau undur!

(*Ziarah Tanah Kudup*, 2006)

Tema sosial, khususnya persoalan nasib bangsa Melayu dan umat Islam, sebenarnya bukan perkara baru dalam korpus puisi Kemala. Pada pertengahan tahun 1960-an, beliau telah pun menghasilkan puisi sedemikian. Malah, dua buah daripadanya, iaitu “Tanah dan Rakyat” dan “Teluk Gong”, telah diabadikan dalam *Antologi Sajak Teluk Gong* (1988) yang menampilkan perjuangan petani Melayu, khususnya dalam hal tanah.

Dalam banyak lagi sajak daripada kumpulan puisinya yang lain, Kemala berbicara dengan penuh kepekaan tentang kesan perjalanannya di serata dunia, tragedi peperangan saudara di Lebanon dan penderaan terhadap umat Islam di Bosnia. Semuanya ini diucapkannya dengan bahasa yang jelas dan lunak bersahaja bersama-sama nuansa yang mengungkap pelbagai warna makna. Lihat, umpamanya, kejernihan bahasa dan kejelasan makna dalam petikan puisi ini yang merakam kembara Kemala di Eropah:



di leiden, kau mengenal alamat  
yang dipesan empangan air  
tembok-tembok dan kincir angin  
basikal-basikal sesuai untuk sang profesor  
Buku-buku dan manuskrip lelah  
menanti di pustaka lama ...

(*Mim*, 102)

Walaupun kekuatan Kemala sebagai penyair terserlah pada sajak-sajak seperti di atas, kehebatan beliau sebenarnya ditunjangi oleh korpus puisinya yang berunsur kerohanian. Memang sebahagian besar puisi Kemala memperlihatkan kecenderungannya yang kuat terhadap sufisme dan minatnya terhadap penyair-penyair sufi dari zaman klasik serta penyair-penyair kerohanian pada zaman moden. Hal ini mengingatkan pembaca terhadap penyair agung Nusantara, Amir Hamzah, yang mendahului Kemala beberapa dasawarsa dan yang amat dikaguminya. Sebenarnya, dalam usaha menyuburkan korpus puisinya, Kemala dengan bersahaja turut mengambil inspirasi daripada tokoh ini. Justeru, puisinya banyak pula membayangkan perhubungan kekeluargaan dengan puisi Amir. Hal ini terutama dari segi tema cinta dan kerinduan mistikal yang menjadi nadi dan ciri istimewa kumpulan puisi Amir, *Nyanyi Sunyi*. Tema cinta dan kerinduan mistikal ini, dengan cara tersendiri, jelas terpancar dalam kumpulan-kumpulan puisi Kemala seperti *Ayn* (1983), *Pelabuhan Putih* (1989), *Titir Zikir* (1995), *Mim* (2001) dan paling akhir *Meditasi Dampak 70 Kemala* (2011). Semua koleksi puisi ini distrukturkan dengan cukup baik dan terdiri daripada sajak-sajak yang indah dari segi diksi, imejan dan kedalaman makna. Dalam konteks ini, wajar dicatat bahawa sebuah puisi dalam *Ayn*, iaitu “Laut”, yang mempunyai diksi dan baris-baris yang indah hampir sama seperti indahnya stanza pertama sajak Amir yang tersohor, “Padamu Jua”. Beginilah Kemala menganyam sajaknya dengan kisah cinta suci dalam ujana bahasa yang tersendiri, segar dan cukup bererti:



Tetapi, tetaplah cinta pertama  
Ke Khalik jua  
Tawakal, berserah selepas ikhtiar dan usaha  
Maha Suci Kau Tuhanku  
Penguasa alam  
Kepada-Mulah kembali kefanaan duniawi  
Kepada-Mulah rindu kujalini.

(*Ayn*, 72)

Terlepas daripada unsur perkaitan intertekstual dengan puisi Amir, banyak pula puisi Kemala dengan jelas membayangkan perjuangan dan pencapaian kerohaniannya dengan ungkapan-ungkapan mistikalnya yang tersendiri. Pencapaian ini tidak mudah diraih dalam lingkungan kehidupan moden yang di dalamnya terdapat banyak tarikan fizikal dan material. Dalam karyanya yang cukup terkenal “Sudah Kudengar”, umpamanya, Kemala secara meditatif dan reflektif melagukan:

Sudah kudengar desau air kali malamhari  
Melanggar batu-batu kerikil di jeramdalam  
“Telah mandi Kemala di tubuhku  
Telah mandi ia air cinta  
Dari Kekasih Pertama!”  
Sudah kudengar gilas puting beliung meremuk  
Gunung, hutan, batu, pohon segala  
“Kecuali satu  
Masih tetap satu jua  
Munajahcinta Kemala buat-Mu.”

(*Ayn*, 47)

Sajak ini merakam sebuah pengalaman rohani yang mengasyikkan, sebuah pengalaman yang lama diintai dan dinanti oleh setiap pencari Kekasih Abadi. Begitulah juga dengan sajak-sajak lain dalam koleksi ini yang sebahagiannya mengaitkan pula pengalaman rohani dengan apresiasi alam dan persoalan sosial. Pembaca yang pernah menghayati *Gitanjali* oleh Tagore dari India, pasti dapat melihat beberapa unsur keselarian antara *Ayn* dengan koleksi puisi India yang tersohor



itu. Terdapat semacam afiniti dalam tajuk dan keserasian dalam isi antara dua buah karya ini.

Dalam koleksi *MIM* (2001), pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia, kesan kerohanian masih tetap terasa, walaupun sebahagian sajaknya membawa persoalan lain. Di bahagian tengah koleksi yang terdiri daripada 80 Mim ini terdapat sajak “MIM 40” yang sebahagian petikannya adalah seperti berikut:

syukurlah, Kau memilihku untuk kelangsungan  
ini. Syukurlah Kau memilihku  
untuk menjadi manusia kata, penyair  
yang memahami bahasa bulan, air, matahari, salju  
ombak, cakerawala, gunung, ilalang, camar  
syukurlah, Kau memimpinku berenang di laut  
payah dan Kauizinkan aku memakai  
baju Cinta-Mu, tersadai dan sengsara  
selepas mengecap khuldi taman larangan  
tenggorokan ditancap duri  
harus diluah, songsang dan darah  
berpercikan nestapa yang asyik  
percintaan yang nikmat ...

Sajak seperti ini mudah membangkitkan rasa ketakjuban yang menakutkan dan mempesona, atau *mysterium tremendum et fascinans*. Susuk kerohanian koleksi ini dan kebanyakan puisi Kemala dijelaskan dengan cukup baik oleh sebuah tulisan pengamat sastera Melayu, Braginsky, dengan fokus kepada sajak “Laut”. Kata Braginsky (2007):

... Puisi-puisi Kemala berhubungan erat dengan tradisi tasawuf Melayu. Hubungannya ini sangat terasa dalam sistem imej dan lambang sajaknya. Terutama sekali jika penyair mencerminkan pengalaman rohaninya dalam lambang-lambang laut yang sangat digemari oleh para sufi Melayu umumnya dan Hamzah Fansuri khususnya. Dalam puisi Kemala, pencari makna sering tampil sebagai pelaut dan “perhentian” di jalan tarekat sebagai pelabuhan; kenyataan tertinggi sebagai pulau; jiwa sebagai teluk; hakikat, “diri” dan kasih sebagai laut.



Wajar dicatatkan bahawa kejayaan Kemala dalam menghasilkan puisi yang bernafaskan cinta dan kerinduan mistikal mungkin tidak direka-reka. Ia mungkin banyak disebabkan oleh kecenderungan kerohanian penyair sendiri dan oleh upaya pembersihan jiwa yang dijalankannya. Dalam lingkungan pengamal kerohanian, Kemala sebenarnya telah sekian lama menjadi pengikut dan murid rapat Almarhum Habib Umar al-Attas, tokoh rohani tersohor dari Cipayung, Bogor. Melalui perkaitan dengan tokoh sufi titisan Qadiriyyah ini, Kemala ditauliahkan untuk mengamalkan “Ratib al-Attas”. Selain amal ibadat hariannya, amalan ratib inilah sesungguhnya yang memperkuat dan mengentalkan rasa cinta dan kerinduan mistikal penyair. Malah, ia mungkin banyak pula membantu Kemala dalam penyuburan fakulti *al-khayyaliyyah* dan pencapaian ilhamnya. Ini semua menjadikan puisinya tulen, sesuatu yang sukar dicapai pada zaman moden yang amat cemburukan amalan kerohanian.

Seperti dalam kebanyakan puisi aliran kerohanian, dalam banyak kuntum sajak Kemala, hubungan cinta sang perindu dengan Yang Abadi diungkap melalui imej-imej alam, antara yang digemarinya ialah laut. Lihat, umpamanya, sajak “Laut” yang pertama kali terbit dalam *Dewan Bahasa*, Julai 1972 dan dibicarakan Braginsky di atas:

Akulah laut

Gadis cantik tidur di peraduannya

Sisik-sisik riak di tubuhku

Lukisan detik dan tarian angin

Bersatu di gemersik ingin

Saujana ketenangan ini.

Akulah laut Pemuda tangkas asuhan waktu

Deru menjangkau ufuk

Muzik terdampar ke benteng karang.

Lalu kenal diri.

Siang pilihan

Mengumpulkan seloka camar

Berlalu sejarah



Kudukung bahasamu  
Akulah laut pertama.  
Pemupuk cinta abadi.

(*Syurga ke Sembilan*, 10)

Sesungguhnya, Kemala adalah antara kalangan penyair moden Melayu yang berpeluang meneguk air dari kolam kehidupan rohani dan dari khazanah sastera sufi, dengan mencecap madu dari taman mawar Hafiz, Rumi, Shabistari dan Fansuri. Dengan caranya yang tersendiri, dan dalam lingkungan kehidupan moden yang penuh dugaan duniawi, Kemala meniup seruling kasih abadi, menyebarkan wangian kerohanian di persada sastera Melayu dan Nusantara semasa.

Dalam menghasilkan puisinya Kemala sering mendapat inspirasi atau mencungkil unsur-unsur daripada al-Quran. Antara unsur daripada al-Quran yang diambil dan dikembangkan menjadi judul dan pokok persoalan karya ialah Mim dan `Ain, kedua-duanya huruf-huruf dalam bahasa Arab. Mim, umpamanya, merupakan bilangan yang ke-24 daripada susunan sejumlah huruf. Namun, Mim yang dimaksudkan dalam karya Kemala bukan sekadar huruf dalam al-Quran malah, kata-kata yang dihubungkan dengan “manusia”, “makna”, “maksud” atau “mafa’al”, iaitu tempat segala rujukan kejadian. Hal ini memperlihatkan kebijaksanaan Kemala menghadirkan huruf Mim yang diambil daripada al-Quran itu dengan diberikan tafsiran yang cukup luas dan dalam.

Tidak dapat dinafikan puisi Kemala mempunyai banyak unsur kelainan dan inovasi. Satu kelainan yang cukup menarik yang dilakukan Kemala adalah dalam kumpulan *MIM* yang telah disentuh. Melalui karya ini beliau menghasilkan sebuah puisi panjang yang dipecahkan kepada 80 buah sajak dengan tajuk-tajuk sajaknya dari “MIM SATU” hingga “MIM LAPAN PULUH”. Sungguhpun bentuknya tidak pelbagai, namun, sajak-sajak dalam kumpulan *MIM* mengandungi pelbagai tema yang menyangkut tentang persoalan diri, kekeluargaan, alamiah, sejarah, politik, falsafah epistemologi dan sebagainya.



Bersesuaian dengan tema yang bercorak kerohanian, puisi Kemala ketara dengan penggunaan diksi-diksi yang mencecah kesan makna dan mencabar minda pembaca. Hal ini sesuatu yang wajar dilakukan oleh penyair kerana beliau bukan sekadar memaparkan cerita atau kisah, bahkan mengajak pembaca berfikir, merenung jauh ke dalam kata-kata yang terungkap dalam karya yang dihasilkannya. Sesungguhnya, sajak-sajak Kemala lebih mengarah kepada persoalan diri dengan gaya bahasa yang cukup indah dan memukau. Renungannya cukup tajam dalam melihat akan hakikat kehidupan manusia yang menjelekkkan, memuakkan dan menjengkelkan. Sajak-sajaknya bertitik tolak daripada persoalan diri, membawa kepada persoalan keluarga, masyarakat dan kehidupan manusia seluruhnya yang dikaitkan dengan persoalan ketuhanan. Nampaknya tujuan akhir penyair adalah untuk mengajak pembaca mendekati diri dengan Yang Abadi.

Dari segi bahasa, puisi Kemala kian bertambah indah dan irama puisinya segar melalui pencarian penyairnya yang memburu keindahan dan kesempurnaan yang penting dalam sastera Islam. Koleksi seperti *'Ayn* dan *MIM* memperlihatkan usaha pencarian bahasa dan isi yang menyentuh lapisan rohani. Hal ini tidak bermakna puisi Kemala sengaja dikaburkan atau bersifat mistik melulu sehingga sukar dinikmati oleh pembaca. Sebagaimana penyajak lain yang cenderung kepada tema kerohanian masa lampau, Kemala cuba memburu diksi yang boleh membayangkan kehausan dan kerinduan insaniah hamba Allah yang ingin mendekati Penciptanya. Masalah sehari-hari seperti kemiskinan, kehilangan sandaran hidup tidak dilupai, cuma diterokai melalui kepercayaan kepada Yang Maha Esa dan Maha Penyayang. Pendekatan begini jauh berbeza daripada *angst* atau jeritan batin segelintir pengarang Barat yang dihantui kekosongan eksistensialis.

Dari segi eksperimentasi bahasa juga, terdapat gabungan perkataan tunggal untuk melahirkan perkataan cantuman yang amat menarik dari segi bunyi dan merupakan pergelutan Kemala dengan isu-isu halus dan kompleks seperti pencarian



rohaniah. Antara kata gabungan yang dimaksudkan ialah “rumputbaldu”, “bakupmata”, “hitamlegam”, “terjungkirbalik” dan “mentemaram”.

Khusus mengenai gaya puisinya, Kemala telah menggarap puisi yang lebih jelas, telus dengan pengucapan untuk penghayatan, tanpa terlalu idiosinkratik dan kabur untuk dinikmati diksinya oleh pembaca. Ertinya, dalam puisi beliau terdapat usaha yang tulen dan hakiki untuk menyampaikan gagasan dan makna dalam lapisan pengucapan kata yang puitis serta estetik tanpa terlalu banyak lapisan makna untuk mengabur atau bersikap surealistik. Beliau menghadiahkan kepada perbendaharaan kesusasteraan Melayu puisi yang indah, mempunyai gaya khas yang tersendiri, dan sarat dengan renungan jiwa yang mendalam.

Sebagai penyair yang berjiwa besar, Kemala juga berani menggunakan alusi daripada budaya lain seperti rujukan kepada Mark Anthony dan Cleopatra. Perkara ini dilakukan bukan kerana tidak ada tokoh dalam kalangan penduduk tempatan, sebaliknya, penggunaan alusi asing ini memupuk renungan tentang hukum hidup yang universal dan lumrah. Malah dalam era globalisasi ini perlulah kita menyedari tentang persamaan dan perbezaan antara Timur dengan Barat. Manusia, tidak kira negara asalnya, pada dasarnya menghadapi pengalaman duka lara dan peristiwa yang amat menggemirakan dalam mengharungi lautan hidup. Justeru, alusi daripada berbilang budaya menjadikan karya penyair ini universal. Namun demikian, Kemala tetap bersandar kepada akar umbi Melayu dan ajaran Islam

Karya puisi Kemala seperti yang dibicarakan, diterima dengan baik dalam dunia kesusasteraan Melayu di Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Kekuatan Kemala sebagai seorang sasterawan yang unggul dalam alam sastera Melayu diterima dengan baik oleh banyak sarjana dan pencinta sastera dalam kalangan masyarakat rumpun Melayu. Hal ini sesuatu yang sukar untuk dicapai oleh seseorang sasterawan. Banyak kertas kerja mengenai hasil karya beliau dalam





pelbagai tajuk telah dibentangkan dalam seminar kebangsaan dan persidangan antarabangsa. Mutu ciptaan puisi Kemala diperakui melalui banyak anugerah sastera pada peringkat nasional dan serantau yang diraihnya. Sumbangan kepenyairan Kemala telah mendapat penghargaan melalui kajian-kajian ilmiah terhadap karya-karyanya daripada peringkat Ijazah Sarjana Muda hingga peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Karya-karyanya juga telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa misalnya, Inggeris, Jepun dan Rusia. Justeru, beliau kini menjadi tokoh puisi ikutan kepada ramai penyair dalam kalangan generasi muda, baik dari segi penciptaan mahupun dari segi cara membaca puisi.

Lebih daripada itu, Kemala telah mencapai puncak pengalaman keilmuan yang bersifat akademik untuk dapat mengucapakan makna dan fungsi sastera yang wajar melalui ciptaan puisinya serta penulisan ilmiahnya tentang puisi Malaysia, Asia Tenggara dan dunia. Dengan demikian, beliau berupaya menjadi seorang penyair intelektual yang menggarap pelbagai tema dengan mendalam dan dalam konteks yang cukup meluas.

Begitulah, pada hakikatnya Kemala ibarat sebatang pohon yang tinggi dengan bunga-bunga yang harum di taman kesusasteraan Melayu masa kini. Puisinya semerbak dengan wangian kerohanian yang dapat menyuburkan kehidupan insani. Sebagai penyair, Kemala telah membaca puisinya di Macedonia, Sarajevo, Seoul, Bangkok, Jakarta, Moscow, Paris, London, New York dan banyak lagi kota besar dunia. Beliau juga dikenal pada peringkat antarabangsa melalui kehadiran dalam persidangan dan bengkel sastera sebagai pembentang kertas kerja mahupun ahli diskusi. Dengan perkataan lain, Kemala telah banyak mengangkat sastera Melayu ke persada antarabangsa.



## CERPEN

CERITA pendek yang dihasilkan oleh Kemala, walaupun bilangannya tidak besar, namun, memperlihatkan tema dan teknik penceritaan yang menarik. Dalam kebanyakan karyanya beliau menyelami dimensi kejiwaan manusia yang kompleks dan meneroka selok-belok kewujudannya. Kemala mempersembahkan wawasan yang segar. Himpunan awal cerpen Kemala berjudul *Anasir* diterbitkan pada tahun 1983, dan koleksinya yang kedua berjudul *Firuzia, Firuzia* diterbitkan pada tahun 1991. Antara cerpen beliau yang terkini termasuklah, “Sebuah Masjid Buat Hari Tua” dan “Siapa Tuan? Mat Janggut? Mat Misai?”. Kedua-duanya sarat dengan lelucon demi menyatirakan tabiat gila kuasa ahli-ahli jawatankuasa masjid. Bagi Kemala, kehidupan manusia ibarat penghijrahan seorang musafir yang mencari kebenaran, namun dalam perjalanannya terdapat godaan dan cabaran yang menguji keimanan hamba Allah. Perwatakan dalam cerpen Kemala sungguh pelbagai dan menarik, merangkumi keanekaragaman insan termasuk yang ganas dan yang kehilangan perasaan dan keprihatinan. Pada pihak yang lain, terdapat watak-watak yang peramah, warak dan alim. Pada amnya, Kemala tetap percaya bahawa manusia diselamatkan oleh cinta kepada Tuhan dan cinta kepada manusia sejagat, yakni yang berasal daripada berbilang kaum dan budaya.



## **Kepelbagaian Tema**

Cerpen-cerpen Kemala membawa pembaca ke pelbagai alam dan zaman melalui teknik jungkir balik. Pembaca diajak memasuki, umpamanya, latar masa lampau seperti zaman pendudukan Jepun dan zaman darurat komunis. Dalam konteks ini perkembangan watak diperkaya oleh memori dan renungan peristiwa-peristiwa dahulu. Konflik masa lampau masih menghantui keadaan masa kini protagonis. Dalam banyak cerpennya, Kemala merenungi hubungan manusia yang kerdil dengan kebesaran Tuhan. Justeru, pergelutan protagonis Kemala tidak terhad kepada ujian duniawi bahkan menjangkau ke dalam lingkaran rohaniah.

### ***a. Penerokaan Dinamika Kuasa dan Penindasan dalam Masyarakat***

Dalam cerpen bertajuk “Wak”, protagonis Wak merupakan seorang penghijrah dari Pulau Jawa yang datang ke Semenanjung dengan tujuan mencari kerja. Dia terpaksa meninggalkan kampung halaman asalnya dan ibu yang disayanginya. Sebelum bertolak ke Semenanjung, Wak sudah pun mengalami kekejaman kuasa penjajahan. Polis Belanda menangkap Wak dan dia dipunggang ke Tanjung Periuk sebagai buruh kasar pihak Belanda. Kemudian, sebagai pelarian dari kem buruh kontrak di Semenanjung, Wak terpaksa berlindung di bawah naungan Haji Kasan. Pelukisan watak Haji Kasan sarat dengan kritikan Kemala tentang orang yang berkuasa dalam masyarakat. Tenaga Wak diperah untuk mengusahakan tanah kepunyaan Haji Kasan, malah Tuan Haji itu sanggup mengarah Wak supaya bekerja lebih kuat daripada binatang; “Ya, kalau boleh tentu lebih kuat dari kerbauku itu”. Begitulah, manusia kelas bawahan dilayan seperti haiwan oleh orang kaya. Wak tidak pun diberi apa-apa upah dan kerana itu dia bertukar kerja, justeru menjadi seorang penggali kubur. Simbol kubur amat menarik, kerana cerpen ini berteraskan makna simboliknya. Kuasa, kedudukan dan wang ringgit tidak dapat menghalang ketibaan malaikatulmaut. Akhirnya, Tuan



Haji Kasan yang rakus itu “dipanggil balik” juga, dan secara ironi Wak yang diupah menggali kuburnya. Melalui pilihan simbol yang berkesan, Kemala menunjukkan bahawa maut memulangkan manusia ke tahap yang sama tidak kira yang kaya raya atau miskin papa. Di mana-mana sahaja “manusia menyahut panggilan sakaratulmaut” apabila ajalnya sudah tiba.

Dalam cerpen yang berjudul “Mawar Merah Buat Liza”, Kemala mendedahkan kisah keganasan rumah tangga. Dalam kisah ini, Tengku Liza dipaksa oleh ibu bapanya untuk berkahwin dengan Tengku Nana yang setaraf dengan keluarganya. Kekayaan dan status Tengku Nana mengabui mata ibu bapa Tengku Liza, justeru orang yang gila-gila bahasa dan ganas diterima juga sebagai menantu. Akibatnya, anak mereka Tengku Liza yang merana; “Penampar sulung Tengku Nana yang tegap pagan itu hinggap di muka Tengku Liza”. Akhirnya, Tengku Liza diceraikan pada malam ketiga dengan talak satu. Melalui cerita ini, Kemala mengkritik orang yang mengikut tradisi kaya kahwin dengan kaya, “Tengku” nikah dengan “Tengku” tanpa memikirkan baik buruk tradisi itu dan tanpa menilai tabiat bakal menantunya.

Penerokaan keganasan rumah tangga adalah penting kerana kehadiran gejala buruk ini selalu dinafikan atau disembunyikan oleh orang kenamaan. Sebenarnya, penindasan ditemui dalam banyak ruang, tidak terhad kepada penindasan kelas bawahan, kumpulan pekerja imigran, malah berlaku juga dalam rumah tangga kalangan kelas borjuis dan orang atasan.

***b. Pengampunan, Taubat dan Kasih Sayang***

Dalam cerpen bertajuk “Kaki”, Kemala menggarap cerita yang dibangunkan dengan pendekatan simbolik. Kaki Jani yang bernanah dan dimakan ulat merupakan manifestasi fizikal dosanya yang telah dan sedang dilakukannya. Jani asyik memarahi dan menyindir isterinya, Bibah, kerana sikap cemburu Jani terhadap Kiyai Alang yang pernah diminati oleh Bibah. Kisah masa lampau tentang perhubungan Bibah dengan Alang sepatutnya dilupakan kerana Alang, dengan



tenang dan ikhlas, telah meninggalkan Bibah supaya Jani dapat mengahwininya. Sungguhpun demikian, Jani tetap menyimpan syak wasangka terhadap Kiyai Alang. Jalinan plot cerpen ini amat menarik dengan teknik jungkir balik yang membibitkan sapsens. Renungan kembali masa lampau menekan jiwa Jani, membawanya ke zaman pendudukan Jepun, semasa dia “mengampu Jepun semahu-mahunya”. Pada suatu hari, dia terserempak dengan seorang ibu tua di pangkal jambatan. Ketika itu hujan turun dengan lebatnya dan si ibu tua itu bersusah payah “membawa sekampit beras baru”. Jani bukan sahaja merampas berasnya, malah menerajang si ibu tua itu; “kaki kirinya yang memakai ‘boot’ singgah pada punggung lusuh ibu tua itu”, dan wanita tua itu jatuh dalam sungai kemudian “lesap diarak arus deras ke kuala”.

Pada masa mudanya Jani membunuh manusia dengan kejam seolah-olah membunuh manusia tidak lebih daripada menepuk nyamuk. Kini berbaring di atas katil dengan kaki busuknya yang bernanah, Jani terpaksa memikirkan dosa-dosanya pada zaman pendudukan Jepun. Rasa takut Jani bertambah apabila terdengar bahawa ibu Kiyai Alang telah mati lemas di dalam sungai kerana didera oleh pihak Jepun dan orang tempatan yang bersubahat dengannya. Begitulah, manusia yang dihantui oleh dosa dirinya sendiri tidak dapat tenang umpama kakinya yang tidak berhenti didera kesakitan. Selepas kaki Jani terpaksa dipotong, Sakun, abangnya telah gagal mendapat pertolongan Imam Pandak untuk menguruskan pembersihan kaki busuk Jani sebelum ia dikebumikan. Cuma Kiyai Alang sahaja yang sanggup menolongnya tanpa sebarang bayaran; “Biarlah saya yang mengusahakannya Saudara Sakun ... Serahkan kepada Allah, saya tak minta apa-apa dengan sumbangan kecil saya ini”. Orang yang beriman inilah yang meninggalkan kesan mendalam sehingga Jani sendiri tidak berjaya membuat pengakuan tentang dosa lampaunya; “Mengapakah dia kehilangan kata-kata berhadapan dengan Kiyai Alang?” Namun begitu, rasa bersalah dan ingin bertaubat menjelma. Kiyai Alang yang memaksa Jani merenungi semula



pertarungan jiwanya dan pembaca terus dibawa memikirkan soal pengampunan dan keimanan. Dalam cerpen “Kaki” juga terdapat kritikan Kemala yang ditujukan kepada mereka yang melampaui batasan agama apabila mereka didesak oleh ujian hidup akibat iman mereka yang tidak mendalam. Jani, misalnya, sanggup ke kuil untuk mendapat rawatan daripada seorang sami Hindu.

Cerpen “Mata, Rumah, dan Merpati” juga meneroka perjalanan protagonis Farid yang kemudiannya bertaubat dan berjaya mempelajari makna cinta dan kasih sayang. Jiwa Farid kebetulannya kurang tenang kerana minatnya bukan kepada mengajar murid-murid sekolah tetapi lebih berkisar kepada medan karang-mengarang. Di samping itu, sikap kasih sayang Farid dan isterinya, Marianna, teruji bukan kerana perhubungan suami isteri tetapi berkait dengan emak Marianna yang semakin hari semakin lemah daya penglihatannya. Emak mentua yang akan buta telah menjaga anak mereka, Susila, sejak dia dilahirkan. Sikap sabar juga diuji apabila Farid berpindah untuk menjaga emak mentua, dan di situ ketenteramannya diganggu pula oleh burung-burung merpati yang berbunyi “berdetap-detap dan berdetik-detik” di bumbung bilik tidurnya. Isterinya, Marianna, dilukiskan dengan perwatakan menarik dan berhemah apabila dengan nada sindiran yang lunak dia mengingatkan suaminya, seorang bakal penulis, bahawa merpati lazimnya ialah simbol kedamaian dan kasih sayang. Apakah penyair yang asyik menggunakan merpati sebagai simbol damai kini memusuhinya malah sanggup mencederakan merpati sekeluarga itu?

Apabila Farid menaiki tangga lalu “menjengukkan kepalanya pada celah lubang antara siling dan bumbung”, seekor merpati keluar dari tempat gelap, “matanya tak bergerak-gerak merenung Farid”. Burung ini dilukiskan Kemala semacam “ejen” Tuhan untuk mengajar Farid, memberinya pedoman tentang nilai kasih sayang. Kemala melukiskan gerak-geri burung merpati itu dengan cukup



berkesan; “Renungannya yang tajam itu, amat mengusik sekali. Decat-decit anak kecilnya terdengar dari dalam”. Merpati itu ingin melindungi keluarganya; matanya yang sayu mengingatkan Farid kepada emak mentuanya yang sudah buta. Orang tua inilah yang telah lama menjaga anak Farid, cucu kesayangannya. Farid mendapat pengajaran tentang nilai keprihatinan oleh burung ini, justeru dia bertaubat dan bersabar menerima bunyi dengutan kaum merpati yang menghuni bumbung bilik tidurnya. Cerpen yang padat tetapi amat bermakna ini diakhiri dengan doa Farid buat keluarganya; “Duduklah kau dan anak-anakmu di situ. Doakanlah agar isteriku selamat bersalin dan ibu mentuaku, Mak Esah selamat dibedah dan kembali melihat dunia”.

Kasih sayang sesama manusia juga ditemui dalam cerpen berjudul “Kenangan yang Belum Robek”. Berlatarkan tahun lima puluhan, cerpen ini mengungkapkan nilai kasih sayang ibu Yong terhadap anaknya. Ibu yang berkahwin semula selepas kematian bapa Yong terpaksa berjalan jauh demi mengambil Yong daripada pasangan Pak Cik Ali dan isterinya yang sedang menjaga Yong. Ibu Yong “terpaksa menapak jalan kerikil sejauh dua batu”. Cerpen ini juga menarik dari segi pelukisan latar tahun lima puluhan mengembalikan ingatan pembaca yang pernah mengalaminya terhadap pengalaman lampau seperti suasana membeli-belah di Robinson, memakai kasut getah Fung Keong, dan menaiki bas Foh Hup. Yang lebih penting, cerpen ini mengungkap sikap terbuka rakyat berbilang kaum pada tahun lima puluhan. Misalnya, Pak Cik Ali dan isterinya, Acek Sawi, tidak keberatan mengambil anak Cina sebagai anak angkat mereka. Pada masa itu, semangat nasionalisme yang sempit dan berteraskan identiti etnik tidak begitu ketara. Pada masa itu juga ramai rakyat seperti Yong, protagonis muda cerpen ini, digambarkan berhasrat menguasai bahasa Inggeris; “Yong mahu menjejaki kepintaran Almarhum ayahnya yang juga ke sekolah Inggeris hingga ke MCKK”.



## **Kepelbagaian Gaya Penceritaan**

Pendekatan yang berteraskan simbolisme telah disentuh di atas. Cerpen-cerpen Kemala yang berdasarkan realiti juga mengandungi unsur simbolik, malah objek-objek biasa seperti peti, mata dan burung, sarat dengan konotasi yang mendalam. Salah satu gaya penulisan Kemala yang baik berkisar kepada penggunaan satira dan humor atau lelucon.

### **a. *Satira***

“Sayembara” merupakan cerpen satira yang membawa sindiran tajam terhadap seniman, terutama penyajak yang mencipta dan mendeklamasi sajaknya dengan rangsangan arak. Yang lebih menarik ialah cara Kemala menyindir pembesar-pembesar yang menganjurkan pertandingan mendeklamasi sajak bersama-sama ahli-ahli Jemaah Pengadil yang bertindak semacam pak turut tanpa etika atau pendirian. Kita baca bahawa di Negara Sukma Lela; “bila Tuanku Teramterai-teramterai menyatakan bahawa penyair si anu sudah layak tiba pada peringkat negara, maka sebelas anggota Jema’ah yang lain ‘mengenggeh’kan sahaja”. Keghairahan selepas meminum arak mengingatkan pembaca kepada pesta puisi pada Zaman Yunani apabila Dewa Dionysius disembah. Akan tetapi, di Negara Sukma Lela ini tidak ada makna dan signifikan agama langsung kerana para penyair yang bertanding cuma mengikut kehendak pihak berkuasa negara. Penyair yang bertanding mahu menggalakkan jeritan audiens yang ghairah menonton persembahan penyair setengah mabuk itu; “penyair-penyair tidak boleh dipisahkan dari menogak arak banyak-banyak sebelum ia mendeklamasikan puisi ciptaannya”.

Dalam cerpen “Sayembara”, Kemala mengkritik seniman yang menulis semata-mata untuk memenuhi kehendak khalayak. Seni sedemikian tidak ada keikhlasannya dan tidak ada nilai rohaniah malah Negara Sukma Lela digambarkan sebagai sebuah negara yang belum lagi disinari cahaya Islam. Lantas, manusia asyik berseronok sahaja tanpa menghiraukan penderitaan yang sepatutnya diinsafi sebagai ujian rohaniah.





Tuanku Teramterai—teramterai sendiri tidak memahami erti penderitaan dalam mengajar manusia beriman. Apabila seorang penyair ingin menyentuh tentang duka lara manusia, Tuanku menyoal penyair berkenaan; “Mengapa duka tak habis-habis?”. Kemala juga menggunakan unsur-unsur humor yang berkesan untuk menyindir penyair bergelar “Duka Tak Sembuh” dengan merakamkan baris-baris puisi ciptaan Si Duka Tak Sembuh itu:

“Aku nampak mata duka!  
Duka! Duka! Dukaaaaa  
Di sini duka, di sana duka....  
Duka di mulut  
Duka di rambut  
Duka di tekak  
Duka di ketiak!  
Dukaaaaaaaaaaaaaa!”

Kita membayangkan suara lantang seorang pendeklamasi sajak ciptaan sendiri yang ego, yang tidak tahu sedikit pun tentang keindahan bahasa dan kecanggihan pemikiran. Pada penghabisan cerita ini Islam datang ke Negara Sukma Lela dan pengarang mudanya yang ikhlas telah memeluk Islam dengan namanya ditukarkan kepada Taufiq.

Pada tahun 2009, Kemala menerbitkan dua buah cerpen, iaitu “Sebuah Masjid Buat Hari Tua” dan “Siapa Tuan? Mat Janggut? Mat Misai?” Dengan memfokuskan kepada cerpen “Sebuah Masjid Buat Hari Tua” dalam laporan ini, penelitian ditumpukan pada pencapaian Kemala dari segi penggunaan teknik satira. Kemala menyatirakan mereka yang menggunakan agama demi kepentingan sendiri. Menurut cerita ini, dalam kalangan AJK masjid pun terdapat perbalahan dan keadaan yang berpecah-belah. Golongan penyokong Tuan Haji Semilang Laut menentang pelantikan Cikgu Akmal, protagonis cerpen ini sebagai nazir masjid baru yang berharga RM6.5 juta itu. Terdapat jarak perbezaan antara kumpulan AJK lama yang memihak kepada Haji Semilang Laut dengan



kumpulan yang menyokong cadangan-cadangan Cikgu Akmal untuk memperkemas syarat-syarat keahlian AJK masjid. Langkah yang disarankan oleh Cikgu Akmal tidak disenangi, terutama syor bahawa seorang AJK akan dipecat sekiranya tidak hadir mesyuarat AJK sebanyak tiga kali. Di samping itu, Bendahari Ngah Kadim yang diminta membentangkan hal kewangan kerana Lebai Fadiri masih berdegil tidak mahu memindahkan kewangan masjid daripada kelompok yang lama kepada yang baru. Dengan tegasnya, nazir baru, iaitu protagonis cerpen, Cikgu Akmal mencatatkan hal ini untuk dilaporkan kepada jabatan agama yang berkenaan. Malah, Lebai Fadiri diberi satu bulan untuk membereskan hal kewangan ini sekiranya mahu mengelak daripada laporan polis. Apakah pendirian Cikgu Akmal terlalu tegas dan kurang berbudi bahasa? Sebenarnya tidak. Kemala berjaya meyakinkan pembaca bahawa tindakan tegas kadangkala amat sesuai umpamanya apabila manusia yang menentang kita bersikap jahil.

Semua agama sebenarnya mengajar para penganutnya menggunakan akal yang dikurniakan oleh Tuhan. Namun begitu, cadangan Cikgu Akmal untuk membawa masuk wakil Mukminat seperti Ustazah Faridah dan Hajah Mariam untuk menjadi AJK diserang tajam oleh pihak Haji Semilang Laut. Aspek ijtihad tidak digalakkan, sebaliknya taklid yang diutamakan. Di samping itu, tafsiran agama pihak Haji Semilang Laut itu agak sempit sehingga menanam pokok ru dikatakan haram. Isu ini dapat diperhalusi melalui dialog berkesan yang dibina dengan baik oleh Kemala:

“Astaghfirullah! Pokok ru haram?”

“Bukankah itu pokok Kristian?”

“Ada pokok Islam, pokok Kristian?”

“Ya, ya. Cikgu degil!”

“Hem ... Jadi ada angin Islam, ada angin Kristian?”

jawabku selamba sambil memberikannya senyuman. “Kalau begitu tentu ada air Kristian, air Islam, ada laut Kristian, ada laut Islam, begitu?”



Melalui dialog di atas, Kemala menyindir pihak Haji Semilang Laut yang begitu bangga tentang kebolehan mereka menamakan apa yang haram dan halal dalam alam semula jadi, sedangkan laut, air, angin mencerminkan kuasa dan keindahan ciptaan Tuhan.

Cerpen berjudul “Siapa Tuan? Mat Janggut? Mat Misai?” menunjukkan betapa susah “turun padang” untuk menziarahi mereka yang uzur atau sakit. Dengan nada lucu, Kemala merakamkan alasan ahli-ahli masjid apabila diminta “turun padang”; “ada juga yang menghilang begitu sahaja bukan kerana pikun, lumpuh atau sakit buah pinggang ... Yalah masing-masing tentu ada alasan”. Komitmen manusia terhadap kegiatan rohaniah “timbul tenggelam, ibarat sabut dihanyutkan arus”. Pengarang juga menyentuh tentang kesibukan penghuni kota besar yang mengejar kelegaan selepas bekerja sehari suntuk; “Kenderaan di jalan besar tersenggut-senggut umpama balam patah tengkuk. Maklumlah orang berebut pulang ke rumah dari tempat kerja masing-masing”. Irama hidup di bandar yang sedang berkembang pesat jauh berbeza dengan suasana di desa; justeru budaya turun padang jarang diamalkan.

Lawatan rombongan masjid ke rumah Nyang Man Dani, seorang tua yang pemikirannya tidak begitu waras lagi memberi peluang kepada Kemala untuk mengkritik beberapa aspek dalam kehidupan penganut Islam. Anak orang tua Nyang Man Dani ini, Mat Rasul, asyik bertabligh; “sekejap ke Sabah dan Sarawak, sekejap berada di Karachi, sekejap di Sudan, sekejap di Turki. Entah ke mana-mana sahaja meninggalkan Nyang Man Dani yang mula setengah pikun itu”. Apakah bertabligh jauh lebih penting daripada menjaga orang tua kita yang separuh uzur? Pengarang menyatirakan amalan rohaniah yang membibitkan sikap cuai terhadap perkara yang utama, umpamanya seorang bapa tua.

Nyang Man Dani sudah pun separuh pikun dan kerana kesunyian dia membela banyak kucing (50 ekor), termasuk seekor kucing betina kesayangannya, Manja. Di sebalik



unsur-unsur lucu yang ditonjolkan, terdapat tema serius tentang kesunyian musim tua dan tentang kehilangan daya pemikiran yang waras. Kemala juga mendedahkan kelemahan Nyang Man Dani semasa muda. Nyang Man Dani telah melakukan upacara menurun untuk berubat justeru telah mencemari ajaran agama Islam dengan perbuatan syirik ini. Arwah isterinya, Paratun Miskiyah, telah “menterjemahkan kata-kata ‘datuk-datuk’ yang datang seperti ‘Hang Tuah’, ‘Hang Jebat’, ‘Panglima Hitam’, ‘Megat Alang di Laut’, dan ‘Puteri Gunung Ledang’ yang sempat singgah sewaktu dia menurun”.

Lawatan rombongan dari masjid ke rumah Nyang Man Dani sebagai aktiviti turun padang mendedahkan ahli-ahli masjid kepada pengalaman yang tidak diduga. Nyang Man Dani, orang tua yang dilawati rupa-rupanya bukan orang yang alim atau warak seperti yang diketahui. Melalui teknik imbas kembali, pengarang mendedahkan perhubungan Nyang Man Dani semasa muda dengan Mem Sahib, Puan Johnny Tony. Watak bundar yang kompleks, iaitu Nyang Man Dani ini digunakan pengarang sebagai ejen untuk mengkritik orang yang menudung dosanya di bawah permukaan sifat kewarakan. Yang bagusnyalah Nyang Man Dani bersedia untuk berterus terang. Dia tidak mahu munafik lagi, lantas dengan ikhlas mengakui perbuatannya pada masa lampau. Begitulah, binaan cerita dan unsur-unsur lucu dalam cerpen ini meninggalkan kesan satira yang tajam.

#### ***b. Renungan Kontemplatif tentang Pergelutan antara Yang Baik dengan Yang Buruk***

Cerpen “Anasir” dan “Firuzia, Firuzia” membawa pembaca berputar kepada zaman lampau dan masa kini. Sejarah manusia sejak penciptaan Adam dan Hawa telah memperlihatkan pergelutan antara Yang Baik dengan Yang Buruk. Dalam cerpen “Anasir” pengarang cuba meneropong kesan-kesan anasir buruk yang menggoda manusia supaya terjerumus dalam maksiat dan keganasan. Alusi atau rujukan kepada



Zuleikha yang ingin memerangkap Yusuf, kepada Brutus yang sanggup membunuh rakan eratnya, Caesar, mendedahkan kehadiran keburukan dalam dunia ini. Diktator seperti Hitler dan Stalin muncul di pentas dunia demi mencetuskan perang dunia, perang saudara dan pelbagai jenis keganasan yang menular ke setiap benua. Apakah wawasan Kemala tentang sejarah bersifat pesimistik? Tidak semestinya. Dalam cerpen “Anasir”, cinta kepada Tuhan menyelamatkan manusia kerana cinta suci ini melenyapkan sifat benci, cemburu dan dengki, iaitu sifat-sifat yang melahirkan keganasan, pembunuhan dan peperangan.

Dalam cerpen seterusnya yang bertajuk “Firuzia, Firuzia”, sebuah kisah sarwajagat tentang cinta suci seorang bapa untuk anaknya digarapkan melalui bahasa yang amat puitis. Si bapa ibarat seorang musafir yang menempuhi perjalanan hidup demi mencabar dan menguji kemanusiaan dan kekuatan rohani dirinya sendiri. Dia meninggalkan anaknya kerana tujuan mencari makna dan signifikan hidup di padang pasir, kawasan gunung-ganang dan mengharungi cabaran lautan samudera. Cerpen puitis ini amat kabur, tetapi menarik minat kita kerana keindahan bahasanya. Keganasan manusia dirujuk dengan deskripsi pertarungan gladiator dengan singa; “Dalam *Coleseum* itu ada seekor singa ganas yang sengaja dilaparkan beberapa hari supaya tingkat keganasannya tiba ke paras maksimum”. Kemala mengimbangkan keganasan begini dengan kepercayaan dan tawakal manusia kepada Tuhan: “Gladiator manakah sanggup menentang kekahan singa lapar kalau bukan dengan pertolongan-Nya?” Gaya penulisan begini boleh dikatakan pendekatan puitis yang berteraskan simbol. Justeru, ada beberapa tafsiran yang boleh dibuat terhadap cerpen “Firuzia, Firuzia”. Aspek ini sangat menarik dan pembaca dicabar untuk menemui tafsiran yang tersendiri.

## **Kesimpulan**

Korpus cerpen Kemala merangkumi pelbagai tema dan



memperlihatkan pelbagai teknik, antaranya simbol, satira dan lelucon. Menurut Kemala, di sebalik kewujudan manusia ialah kebesaran Tuhan. Justeru, perjalanan hidup manusia yang pasti diakhiri dengan maut hanya bermakna dengan mencintai Penciptanya dan menyayangi semua insan yang dicipta Tuhan. Simpati Kemala terhadap orang miskin, kelas buruh dan mereka yang menghuni pinggir masyarakat jelas terdedah melalui banyak cerpennya. Akhir kata, sumbangan Kemala dalam genre cerpen dari segi mutu dan kesannya tidak boleh dinafikan, walaupun bilangannya agak kecil. Sasterawan ini bersikap tidak waswas dalam usahanya mendedahkan kelemahan manusia. Namun begitu, beliau tidak pesimistik, sebaliknya sentiasa bersifat optimistik. Lulu manusia sentiasa terbuka; dia boleh bertaubat dan kembali kepada jalan yang lurus, benar, dan suci.



## DRAMA

**S**EWAKTU Kemala menjadi pelajar di MPSI, Tanjong Malim, Perak, beliau sudah memperlihatkan bakatnya sebagai penulis skrip drama dengan menghasilkan skrip drama pentas berjudul “Daerah Maut”. Kemudian, karya beliau mendapat tempat dalam rancangan drama radio di RTM, yang mengisahkan keadaan masyarakat Melayu dalam menghadapi perubahan hidup sama ada di desa ataupun kota, di samping drama bertemakan perpaduan antara etnik. Di Tanjong Malim juga, Kemala menulis naskhah “Sri Lembayung”, yang dinukilkan daripada sejarah kejatuhan negeri Melaka di tangan Portugis, dan dipentaskan dengan jayanya pada tahun 1961, pada majlis yang dihadiri oleh YB Menteri Pelajaran Dato’ Abdul Rahman Talib.

Bertolak daripada beberapa kejayaan awal ini, Kemala sudah membuktikan bahawa dia sebenarnya boleh menulis skrip drama yang baik. Pada tahun 1971, beliau menerima pengakuan sebagai penulis skrip drama terbaik daripada Majlis Teater Malaysia dengan dramanya “Malam Perhitungan”, yang asalnya disiarkan dalam majalah *Derwan Bahasa* (November 1966). Skrip ini kemudian dipilih oleh Kementerian Pelajaran sebagai skrip wajib untuk pementasan sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia pada tahun 1970-an dan 1980-an. Pada tahun 1976, DBP menerbitkan buku dramanya *Di*



*Bumi Lain/In Another World*, iaitu buku dwibahasa terjemahan Harry Aveling, yang mendapat perhatian daripada pengkritik drama tanah air, Utih (Krishn Jit), yang tulisannya disiarkan dalam *New Straits Times*.

*Di Bumi Lain* menyorot masalah psikologi pengemis pelbagai kaum di bandar raya Kuala Lumpur. Dalam kedaifan mereka, mereka juga mengenal erti kasih sayang dan percintaan, dan soal-soal yang berhubungan dengan nasib mereka serta aksi dan reaksi daripada para pemimpin mereka. Drama ini dipentaskan oleh Kumpulan Drama Universiti Kebangsaan Malaysia.

Menurut Nur Nina Zuhra:

*In Another World (Di Bumi Lain) by Kemala was one of the first experimental works to popularize an image of rakyat yang hina. In the opening scenes, Kemala presents a sympathetic view of this "other world". Kemat (a Malay man), Cumi (an Indian woman), and Ah Fatt (a Chinese man) are three beggars who live together, so closely in fact that Cumi is non-committal about which of the two men is the father of her expected child. Among these three characters, race is portrayed as a non-issue, since poverty cuts across racial lines. Other urban poor include the Mamak Peniaga (Indian Muslim hawker) and two prostitutes – Leha and Umi. Kemala emphasizes the kindness of the prostitutes. Prostitution itself is minor; Leha and Umi are human beings first.*

(Nur Nina Zuhra, 1994:174)

Selanjutnya Nur Nina cuba mengaitkan hubungan antara kelompok yang miskin dan hina itu dengan dunia orang berada yang diwakili oleh Pateh Okaba. Kata Nur Nina:

*The inter-connected life of the urban poor is contrasted with the world of the rich, represented by Pateh Okaba. The latter has betrayed the trust of the rakyat, who elected him as their representative, by gaining wealth at the sacrifice of others. That both he and his friend Jaya have become wealthy since only a few, including those who are devious or corrupt. Linking the two worlds is the Pandekar (Champion), a strange man*





*who wanders among the poor, inspiring them with his kind deeds and odd rhetoric. Many years prior, he was a freedom-fighter in Indonesia and his wife, who thought he had died, was pressured into marrying Pateh Okaba. In the final and climactic scene of the play, the Pendekar tells Pateh Okaba prophetically that the hina will overcome him and his wealth will mean nothing.*

(Nur Nina Zuhra, 1974:174 –75)

Kemala seterusnya menulis drama “Anna” (*Dewan Sastera*, Oktober 1972). Drama ini dihipunkan dan diperkatakan oleh Zakaria Ariffin dalam *Drama Tiga Zaman* (DBP, 1987) bersama-sama dengan drama Usman Awang, Mustapha Kamil Yassin, Syed Alwi, Kalam Hamidi, Noordin Hassan dan penulis yang lain. Buku *Drama Tiga Zaman* menjadi teks sastera di sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.

“Anna” ialah drama percintaan antara Anna (anak Tuan Carpenter) hasil hubungannya dengan wanita Melayu tempatan, dengan Zaki. Hubungan ini mendapat tentangan daripada ayahnya kerana dia tahu perkahwinan anaknya akan menghadapi krisis kerana perbezaan sikap, budaya dan agama. Mereka bertemu sewaktu menjadi siswa di University of Cambridge. Zaki mengambil jurusan sejarah manakala Anna jurusan ekonomi. Ibu Anna terbunuh sewaktu darurat di Tanah Melayu. Peristiwa ini menjadi kenangan pahit kepada Anna, kerana ibunya dibunuh oleh orang tempatan walaupun mereka itu komunis.

Anna dan Zaki memeterai percintaan itu dengan perkahwinan mengikut adat Melayu. Zaki terlalu patuh dan sayangkan ibunya yang buta yang selama ini banyak berkorban untuk membiayai pengajiannya di tanah Inggeris. Konflik timbul apabila Anna mahu perhatian sepenuhnya daripada Zaki, namun, tidak mungkin buat Zaki untuk meninggalkan Mak Munah, ibunya. Anna yang kecewa dan tidak memahami sikap kesetiaan seorang anak Melayu kepada ibunya lebih daripada perkahwinannya, terpaksa membuat pilihan terakhir meninggalkan Zaki yang mengejanya di lapangan terbang.



Anna seolah-olah membenarkan telahan ayahnya bahawa pemuda Melayu itu akan mengecewakannya kelak, dia lebih terikat kepada keluarganya, kepada ibunya, bukan kepada isteri atau keluarganya sendiri.

Unsur ketegangan (konflik) wujud di sini dan berakhir dengan dramatik, sesuai dengan jalur teknik drama moden. Drama ini juga dihidupkan dengan hujah rasional dan sentimen budaya bagi membezakan sikap Barat dan Timur, dan bagaimana benarnya telahan “Timur tetap Timur, Barat tetap Barat, kedua-duanya tak mungkin bertemu!”

Dalam analisis terhadap “Anna” dalam bukunya *An Analysis of Moden Malay Drama* (ITM, 1992), Nur Nina Zuhra mencatatkan:

*Anna presents a credible theme with respect to the nature of Western and Eastern values and the effect of these values on a marital relationship. Although Anna is Eurasian, she was raised in England and has Western values. She believes strongly in the priority of marriage relationship over and above filialities. She also refuses to remain trapped in unhappy marriage, even if this means being separated from her child. Zaki loves Anna but is preoccupied with his mother's needs. Zaki's priorities are rooted in Eastern culture.*

Drama Kemala, “Kelongsong”, ditulis pada tahun 1984, dan dipentaskan pada tahun 1985. “Kelongsong” ialah drama yang membawa pengaruh drama muzikal. Drama ini mengisahkan hubungan Wakil Rakyat dengan penari desa, Intan Sitasari yang jelita dari Gunung Kalakasih. Intan sebenarnya telah mempunyai idaman hatinya, Dino, yang mengetahui niat jahat Wakil Rakyat yang mengumpun Intan masuk ke Akademi Seni Tari. Dino mendapat bantuan daripada seorang wanita saintis sosial dari Amerika yang sedang membuat kerja lapangannya di Malaysia. Cerita berakhir dengan terbukanya rahsia dan jalur korupsi yang dilakukan, namun, Dino terkorban, dan Wakil Rakyat itu diseret ke penjara untuk dibicarakan.

“Kelongsong” memperlihatkan ciri-ciri kemenangan yang baik ke atas yang jahat dan diakhiri dengan adegan yang



mengejutkan secara tiba-tiba dan penuh emosi. “Kelongsong” menjatuhkan pemimpin feodal yang korup yang nampaknya masih ada sisanya dalam zaman demokrasi moden. Struktur “Kelongsong” menyamai epik, seolah-olah menyerupai struktur sandiwara, wujudnya prolog dan epilog yang puitis dan sarat dengan mesej. Melalui “Kelongsong”, Kemala telah memanfaatkan bakatnya sebagai penyair untuk mengindahkan lagi persembahan drama ini. “Kelongsong” memperlihatkan Kemala sebagai seorang penulis drama yang mempunyai visi yang luas dan mengagumkan.

Bagi drama “Malam Perhitungan” pula, watak Farid berperanan sebagai pemimpin sebuah parti politik, sedangkan Intan tidak memahami, bertentangan, dan tidak bersimpati terhadap perjuangan Farid. Hal itu dapat difahami melalui petikan di bawah:

Intan: Nak jadi orang perjuangan konon. Ada kerja diserahkan. Ada tuah ditolak. Ada harta dijual wang selesai. Semua untuk parti. Semua untuk perjuangan. Semua untuk bangsa. Semua untuk negara....

(*Dewan Bahasa*, November 1966:522)

Begitulah Kemala, dalam lembut dan romantis bentuk puisinya, dapat pula menggarap beberapa buah drama yang begitu besar isi dan mesejnya, yang memperkukuh kreativitiya sebagai seorang sasterawan yang boleh menulis dalam pelbagai genre.



## ESEI DAN KRITIKAN

**S**UNGGUHPUN Kemala lebih dikenali sebagai seorang penyair, namun beliau juga terserlah dalam penulisan esei dan kritikan. Beberapa buah esei dan kritikannya telah memenangi hadiah. Antaranya esei yang bertajuk “Puisi dan Kepenyairan dan Kemungkinannya” telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia tahun 1983 dan tulisan kritikannya yang bertajuk “Latiff Mohidin dan Garcia Lorca: Puitika, Sepi dan Sang Maut” telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia tahun 1999. Manakala tulisan kritikannya yang bertajuk “W.S. Mervin dan T. Alias Taib Menyenangi Surealisme” telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia tahun 2001.

Menurut Panel Penilai Hadiah Sastera Malaysia tahun 1983, esei Kemala yang bertajuk “Puisi dan Kepenyairan dan Kemungkinannya” itu terpilih memenangi hadiah kerana “pembicaraan yang segar tentang beberapa persoalan puisi dan kepenyairan dalam sastera semasa. Esei ini ditulis dengan gaya yang menarik dan merupakan sumbangan yang baik terhadap soal pemahaman puisi”. Esei Kemala yang bertajuk “Latiff Mohidin dan Garcia Lorca: Puitika, Sepi dan Sang Maut” pula menurut panel penilai, telah mempamerkan kesungguhan Kemala sebagai seorang peneliti sastera dengan menggunakan disiplin bandingan. Kemala memperlihatkan secara teratur



persamaan dan perbezaan kedua-dua penyair, iaitu Latiff Mohidin dan Garcia Lorca, walaupun masing-masing datang daripada dua persekitaran dan budaya yang jauh berbeza. Telaah sebegini tidak mudah dilakukan secara teliti tanpa latar belakang disiplin serta budaya kedua-dua penyair yang dikaji. Esei ini juga memperlihatkan sifat kesejagatan sastera dengan kemanusiaan dan kemasyarakatan yang sangat penting. Manakala bagi esei Kemala yang bertajuk “W.S. Mervin dan T. Alias Taib Menyenangi Suralisme”, menurut panel penilai, tulisan itu memperlihatkan suatu kritikan komparatif dua penyair tentang suatu aliran penulisan surealisme. Penulis berjaya melihat dan merasakan keindahan pengucapan dua penyair yang dipilihnya, dan kekhususan bicara tentang satu aliran penulisan itu menampilkan kedalaman sifat tulisan yang diusahakan oleh Kemala.

Esei dan tulisan kritikan Kemala bukan sahaja diterbitkan dalam akhbar dan majalah, malah turut disiarkan dalam jurnal tempatan dan luar negara. Antara media cetak yang menyiarkan esei dan kritikan Kemala ialah *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera*, *Malay Literature*, *Perisa*, *Pangsura* (Brunei), *Himesphere* (Australia), *Horison* (Jakarta) dan *Asia Week* (Hong Kong). Malah lebih membanggakan lagi apabila esei dan tulisan kritikannya telah dibukukan. Buku yang dimaksudkan itu ialah *Sastera dalam Esei* (Penerbitan Tratra, Kuala Lumpur, 1983) dan *Landskap Ungu: 30 Esei Pilihan* (Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 2010).

Buku *Sastera dan Esei* menghimpunkan 35 buah esei dan tulisan kritikan yang kebanyakannya tersiar dalam *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Sastera*. Perbincangannya lebih menjurus kepada karya puisi Melayu moden. Analisisnya cukup mendalam dan ilmiah sifatnya. Hal ini memperlihatkan kesungguhan dan minat yang mendalam terhadap sesuatu aspek karya sastera yang diteliti dan dikaji. Buku *Landskap Ungu: 30 Esei Pilihan* pula menghimpunkan 30 buah esei dan tulisan kritikan yang terpilih berdasarkan ratusan esei



dan tulisan kritiknya yang pernah tersiar dan diterbitkan. Esei dan tulisan kritiknya itu merupakan kajian dan apresiasinya terhadap puisi penyair yang diminatinya sama ada kajian secara perseorangan mahupun bandingan yang melibatkan penyair atau sasterawan di Malaysia, Indonesia dan di luar Nusantara.

Berdasarkan esei dan tulisan kritikan yang dimuatkan dalam kedua-dua buah buku itu, dapat dicatat dengan jelas bahawa Kemala merupakan pengkaji dan sarjana kesusasteraan Melayu yang andal, yang telah memberikan jiwa raga dan sumbangan pemikiran dengan melihat, menilai dan merakam makna dalam kesusasteraan Melayu. Kajian dan penelitiannya amat tuntas dan mampu memberikan makna dan kefahaman yang relevan dan positif kepada manusia dan kemanusiaannya.

Buku Kemala yang merupakan hasil kajiannya pada peringkat Ijazah Sarjana Sastera di Universiti Sains Malaysia yang bertajuk *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden* (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988) telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia. Sebuah lagi buku beliau yang merupakan hasil kajiannya pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah telah diterbitkan dengan judul *Symbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990* (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2010).

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa sumbangan Kemala dalam sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu moden dalam genre esei dan kritikan sastera tidak harus dinafikan. Sumbangannya cukup bererti terutama dalam mengenal, memahami, menghayati dengan mendalam puisi Melayu moden dan penyairnya, baik di Malaysia mahupun di rantau Nusantara dan luar Nusantara, antaranya termasuklah penyair dan penulis Pablo Neruda, Wole Soyinka, Faiz Ahmad Faiz, F. Garcia Lorca dan ramai lagi. Hal ini juga menunjukkan pembacaan dan penelitian Kemala cukup luas bukan sahaja terhadap puisi dan penyair tanah air, malah meliputi puisi dan penyair di luar Nusantara. Analisis yang dilakukannya amat mendalam, cukup informatif dan mengesankan.



# LAMPIRAN







## LAMPIRAN 1

### BIODATA

#### BUTIRAN PERIBADI

**Nama** : Ahmad Kamal @ Khamal bin Abdullah  
**Gelar** : Dato' Dr. Haji  
**Nama Pena Terkenal** : Kemala, Akmal Jiwa  
**Tarikh Lahir** : 30 Januari 1941  
**Tempat Lahir** : Gombak, Selangor  
**Alamat** : 321, Jalan Sepakat 8,  
Taman United,  
58200 Kuala Lumpur.  
**E-mel** : dato\_kemala@yahoo.com

#### PENDIDIKAN

1. Di beberapa buah sekolah Melayu sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, termasuk Sekolah Melayu Kampung Batu, Sekolah Melayu Jalan Raja Muda (Prince's Road), Kampung Baru, Kuala Lumpur, dan Dharma Institute (1948–1956).
2. Kelas Guru Pelatih setiap hari Sabtu di Sekolah Melayu Kampung Baru, Kuala Lumpur, kemudian bertukar ke Sekolah Melayu Tanjong Karang, Kuala Selangor (1956–1958).



3. Sultan Idris Training College (Maktab Perguruan Sultan Idris), Tanjong Malim, Perak (1958–1962), lulus Peperiksaan Khas Sijil Rendah Pelajaran (LCE Type), kelulusan khas dan sah untuk meneruskan pengajian di Maktab Perguruan Sultan Idris. Tamat pada Mac 1963 dengan Sijil Perguruan Kementerian Pelajaran untuk mengajar dua bahasa, iaitu Bahasa Melayu sebagai bahasa utama dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.
4. Belajar secara pos di Stanford College, lulus sijil FMC sebagai calon persendirian (1963).
5. Belajar sendiri dan lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, dan mendapat sijil penuh sebagai calon persendirian (1974).
6. Pengajian Luar Kampus Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Lulus Sarjana Muda (Kepujian). Menulis skripsi berjudul “Intelektualisme dalam Puisi Latiff Mohidin dan Muhammad Haji Salleh” (1980).
7. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, pelajar sarjana separuh masa. Sarjana (Kesusasteraan) lulus cemerlang dengan tesis berjudul “Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden” (1985).
8. Kursus Pengurusan BMP, Asia Institute of Management, Makati, Filipina (1990).
9. Universiti Kebangsaan Malaysia, calon PhD separuh masa dan lulus dengan disertasi berjudul “Simbolisme dalam Puisi Islam Malaysia” (1991–2000).
10. Felo dalam *International Writing Program*, University of Iowa, USA (1993).

## PEKERJAAN

1. Guru pelatih di Sekolah Melayu Jeram, Kuala Selangor (1956–1958).
2. Guru lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, mengajar di Sekolah Melayu Tiram Buruk (sekarang Seri Tiram Jaya), Tanjong Karang, Selangor (1963–1967).
3. Guru lulusan maktab di Sekolah Melayu Teluk Gong,



- Pelabuhan Kelang, Selangor (1967–Mac 1968).
4. Pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka (1968–Januari 1996).
    - a. Penyunting buku sekolah dan Sidang Pengarang *Dewan Pelajar* (1968–1970).
    - b. Sidang Pengarang *Dewan Sastera, Dewan Masyarakat, Dewan Bahasa* dan *Dewan Budaya* (1971–1979).
    - c. Pegawai Penyelidik Sastera (1980–1985).
    - d. Pegawai Penyelidik Kanan dan Ketua Unit Sastera Moden, Bahagian Sastera (1985–1995).
    - e. Ketua Bahagian Kesusasteraan Bandingan (1995–1996).
    - f. Bersara wajib pada 30 Januari 1996.
    - g. Pegawai kontrak Dewan Bahasa dan Pustaka dengan mengusahakan penelitian “Puisi Melayu Puisi Dunia” (1996–1998).
  5. Menjadi Sarjana Tamu di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (2008–kini).



## LAMPIRAN 2

### SENARAI KARYA

*(Untuk karya kreatif biasanya menggunakan nama Kemala, tetapi untuk karya ilmiah menggunakan nama Ahmad Kamal Abdullah)*

#### A. BUKU

*(Disusun Mengikut Kronologi)*

##### **Kumpulan Puisi (Perseorangan)**

1. *Timbang Terima*, 1970. Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru.
2. *Meditasi*, 1972. Kuala Lumpur: Venus Arts.
3. *Era*, 1975. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. *Kaktus-kaktus*, 1976. Petaling Jaya: Penerbitan Fargoes.
5. *Ayn*, 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. *Pelabuhan Putih*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. *Titir Zikir*, 1995. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta.
8. *Mim*, 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



9. *Ziarah Tanah Kudup*, 2006. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. *Syurga ke Sembilan*, 2009. Selangor: Insandi Sdn. Bhd.
11. *Puisi A. Samad Said dan Kemala*, 2009. Dhaka: Kathak.
12. *Ayn: Poems of Faith*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
13. *Dhikr Serenades: Titir Zikir*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
14. *Sumsum Bulan Rawan*, 2011. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. *1000 Pantun Puitis*, 2011. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
16. *Puisi-puisi Pilihan Kemala*, 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. *Mata, Rumah dan Merpati*, 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kumpulan Cerpen (Perseorangan)**

1. *Anasir*, 1983. Subang Jaya: Tra-tra.
2. *Firuzia, Firuzia*, 1990. Petaling Jaya: Tempo Publishing (M) Sdn.Bhd.
3. *Laut Takjub*, 2011. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. *Mata, Rumah dan Merpati*, 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kumpulan Drama (Perseorangan)**

1. *Di Bumi Lain/In Another World* (Terj. Harry Aveling), 1976. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. *Anna*, 2012. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



## **Buku Kanak-kanak**

1. *Melur, Melur Si Bunga Melur* (puisi kanak-kanak), 1974. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. *Lani Anak Tani* (cerita kanak-kanak), 1977. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd.

## **Kajian Sastera (Perseorangan)**

1. *Sastera dalam Esei*, 1983. Subang Jaya: Tra-tra.
2. *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Moden*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. *Gejala: Esei dan Kritikan Puisi Melayu Moden 1955-1986*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. *Gagasan: Sejumlah Esei tentang Puisi*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. *Kesusasteraan Bandingan dalam Perbincangan*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. *Landskap Ungu: 30 Esei Pilihan*, 2010. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
7. *Symbolisme dalam Puisi Islam Malaysia 1970-1990*, 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. *Puisi Melayu Puisi Dunia*, 2011. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **Antologi Puisi**

1. *Laungan*, 1966. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal.
2. *Suara Tujub*, 1969. Kuala Lumpur: Pustaka Setia Murni.
3. *Perintis Sajak-sajak Melayu*, 1971. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
4. *Kuala Lumpur: Antologi Sajak Pilihan*, 1975. Kuala Lumpur: GAPENA.
5. *Titian Zaman*, 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. *Tinta Pena*, 1981. Kuala Lumpur: PENA.
7. *Puisi-puisi Nusantara*, 1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



8. *Puisi Asean*, 1983. Indonesia: Yayasan Sangar Seniman Muda Bali.
9. *Lagu Kehidupan*, 1983. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. *Terengganu dalam Puisi*, 1983. Terengganu: Pelita.
11. *100 Sajak Malaysia*, 1984. Subang Jaya: Tra-tra.
12. *Maruah MERDEKA*, 1987. Kuala Lumpur: GAPENA.
13. *Bunga Gerimis*, 1986. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
14. *Puisirama Merdeka*, 1986. Kuala Lumpur: PENA.
15. *Puisi Malaysia*, 1987. Pan Earth.
16. *Mengenangmu*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
17. *Puisi Baharu Melayu 1961-1986*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
18. *Begini*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
19. *Takbir Penyair*, 1995. Istiqlal International Poetry Reading Jakarta.
20. *Puisi-puisi Asean*, 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. *Antologi Puisi Agenda Melayu*, 2009. Kuala Lumpur: Yayasan Kajian dan Strategi Melayu.
22. *Antologi Puisi Penyair Nusantara Musibah Gempa Padang*, 2009. Kuala Lumpur: MARBA.
23. *Ekspresi*, 2009. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
24. *Mengabdikan Melestari 30 Puisi 30 Penyair*, 2009. Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad.

### **Antologi Cerpen**

1. *Menjunjung Titah Perintah*, 1984. Subang Jaya: Tra-tra.
2. *Madrasah*, 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. *Sahabat*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



4. *Bintang di Langit Lain*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. *Cerpen-cerpen Nusantara Mutakhir*, 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. *Di Sisi Rinda*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. *Begini*, 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. *Orang di Atas Jambatan*, 2001. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kajian Sastera Bersama-sama Pengarang Lain**

1. *Glosari Istilah Kesusasteraan*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, Zakaria Ariffin dan Suhaimi Haji Muhammad).
2. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden Jil. II*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Hashim Awang, Ramli Isin, Zakaria Ariffin, Sahlan Mohd. Saman dan Syed Othman Syed Omar).
3. *Mengenang-Mu: Puisi Berunsur Islam 1930-1986*, 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Mohd Hanafi Ibrahim).
4. *Puisi Melayu Moden 1975-1985* (dwibahasa), 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Harry Aveling).
5. *Puisi Baharu Melayu 1961-1986*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Ahmad Razali Haji Yusuf).
6. *Sempana: Esei Sarjana Sastera Melayu di Eropah*, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Bersama-sama Shamsuddin Jaafar dan Ahmad Razali Haji Yusuf).
7. *Cabaran Alaf: Menjana Warisan Kesusasteraan Melayu sebagai Kesusasteraan Agung Dunia*, 2007. Prosiding





- Persatuan Kesusasteraan Bandingan.
8. *Menyirat Inspirasi* (Kertas kerja seminar SN Usman Awang), 2011. Universiti Putra Malaysia, Yayasan Warisan & YWJ Citra, Johor Bahru.
  9. *Putra Gemilang Kampung Talang: Dharmawijaya dalam Kenangan*, 2011. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

## B. KARYA ECERAN

(Disusun Mengikut Kronologi)

### Drama

1. “Malam Perhitungan” dlm. *Dewan Bahasa*, November 1966.
2. “Anna” dlm. *Dewan Sastera*, Oktober 1972.
3. “Kelongsong” dlm. *Dewan Sastera*, 1985.
4. “Pending Numera” dlm. *Dewan Sastera*, 2012.

### Puisi (1960–1970)

1. “Perhentian” (Kisah yang belum tahu), dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 3.56, 20 Februari 1960.
2. “Perhentian” dlm. *Utusan Pemuda*, 29 Oktober 1960.
3. “Pertimbangan” dlm. *Utusan Zaman*, 6 November 1960.
4. “Kali” (buat Masuri S.N.) dlm. *Mastika*, Jil. 20, 12 Disember 1960.
5. “Sebuah Potret Hitam” dlm. *Utusan Pemuda*, 10 Disember 1960.
6. “Datang dan Pergi” dlm. *Utusan Pemuda*, 7 Januari 1961. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 3.
7. “Dari Suatu Keruntuhan” dlm. *Utusan Zaman*, 19 Januari 1961.
8. “Restu” (buat PENA) dlm. *Utusan Zaman*, 19 Februari 1961.
9. “Sajak buat Kamil” dlm. *Utusan Zaman*, 26 Mac 1961.



10. “Ku Daki Gunung Tinggi” dlm. *Utusan Zaman*, 23 April 1961. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 4.
11. “Gamitan” dlm. *Utusan Pemuda*, 29 April 1961. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima* hlm. 5.
12. “Nyala Harapan” dlm. *Mastika*, 7 Januari 1961. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima* hlm. 3.
13. “Bonda Pergi” dlm. *Utusan Zaman*, 21 Mei 1961.
14. “Pernyataan” dlm. *Utusan Pemuda*, 17 Jun 1961.
15. “Wajah” dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 4,120, 21 Jun 1961
16. “Pertemuan” (terutama buat Idrus) dlm. *Utusan Zaman*, 2 Julai 1961.
17. “Satu Lagu” (terutama buatmu) dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 4.123, 12 Julai 1961. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima* hlm. 6.
18. “Surat” (buat kawan yang selalu ragu-ragu) dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 4,127, 12 Julai 1961, 9 Ogos 1961, hlm. 7.
19. “Journey” (terutama buatmu) dlm. *Cenderamata MPSI – 1961*, 11 Ogos 1961.
20. “Sajak buat Kakak” dlm. *Berita Minggu*, 20 Ogos 1961.
21. “Layar” (untuk Zakba Hamdi) dlm. *Warta Mingguan*, 10 Disember 1961.
22. “Pertama” dlm. *Berita Minggu*, 24 Disember 1961.
23. “Simpang” (terutama buatmu) dlm. *Bayu*, Jil. 2.2, 1961.
24. “Pulau” dlm. *Berita Minggu*, 4 Mac 1962.
25. “Kepadamu” dlm. *Berita Minggu*, 25 Mac 1962.
26. “Catatan” dlm. *Berita Minggu*, 8 Julai 1962.
27. “Keretakan dan Ketegangan” dlm. *Cenderamata MPSI – 1962*, akhir Ogos 1962.
28. “Manusia” dlm. *Berita Minggu*, 2 September 1962.
29. “Di Kota: Bertemulah Dua Kekasih” dlm. *Berita Minggu*, 30 September 1962.



30. “Bagi yang Pernah Ku Sajakkan Benarlah Takwa” dlm. *Berita Minggu*, 2 Desember 1962. Dimuatkan dalam *Timbang Terima* hlm. 7.
31. “Yakin” dlm. *Berita Minggu*, 2 Desember 1962. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 8.
32. “Disember” dlm. *Berita Minggu*, 23 Desember 1962. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 8.
33. “Pesan” (buat Ema) dlm. *Gelanggang Filem*, 1962.
34. “Buat Murni” dlm. *Gelanggang Filem*, 1962.
35. “Yang Tidak Selesai” (Catatan buat Sutan Takdir Alisjahbana) dlm. *Gema Dunia*, Thn. 1, No. 1, 1963.
36. “Bunga” dlm. *Berita Minggu*, 6 Januari 1963. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 9.
37. “Buat Yahya M.S.” dlm. *Berita Minggu*, 27 Januari 1963.
38. “Dunia Penyair” dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 6.196, 20 Februari 1963. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 10.
39. “Jauh dari Kota” dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. 7.4, April 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 91 dan *Himpunan Sajak*, hlm. 60,
40. “Takwa, Titisannya Berdarah Apa?” dlm. *Berita Minggu*, 7 April 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 94-95.
41. “Malam Seorang Pelacur” dlm. *Berita Minggu*, 28 April 1963. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 12.
42. “Siang Seorang Pelacur” dlm. *Berita Minggu*, 28 April 1963. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 12.
43. “Jurang” dlm. *Berita Minggu*, 28 April 1963.
44. “Deru” dlm. *Berita Minggu*, 28 April 1963.
45. “Nyanyi Revolusi” dlm. *Gelanggang Filem*, Jil. 6.207, 8 Mei 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 92-93.
46. “Harga Diri” dlm. *Berita Minggu*, 26 Mei 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 96.



47. "Dada Kota", (16 Jun 1963). Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 99–100.
48. "Buat Negro", 22 Jun 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 101.
49. "Serenade Buat Nora", 2 Julai 1963. Dimuatkan dlm. kumpulan cerpen Nora *Serpihan Hidup*, 1964. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
50. "Buruh", (3 dan 4 Julai 1963). Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 102–103.
51. "Politik", 28 Julai 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 102–103.
52. "Dharma" dlm. *Berita Minggu*, 28 Julai 1963.
53. "Bukit Bintang", (7 Ogos 1963). Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 107.
54. "In Memoriam" (ibu yang kukasih "Rukiah"), 9 Ogos 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 108–109.
55. "Tradisi" (10 Ogos 1963). Dimuatkan dlm. *Laungan*, hlm. 110–111.
56. "Nasi Pengantin" (buat M.A.) dlm. *Utusan Zaman*, 18 Ogos 1963.
57. "Gejala" dlm. *Gema Dunia*, September 1963.
58. "Tentang" dlm. *Gema Dunia*, September 1963.
59. "Durhaka" dlm. *Berita Minggu*, 15 September 1963. Dimuatkan dlm. *Laungan* dengan tajuk "Pendurhakaan", hlm. 104 -106.
60. "Epigram" dlm. *Angkatan Baru*, 3 November 1963.
61. "Tiga Rukun" dlm. *Utusan Zaman*, 3 November 1963.
62. "Titisan Darah Nenek Moyang" dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 1.3, 15 November 1963. Dimuatkan dalam *Era*, hlm. 1.
63. "Nota" dlm. *Angkatan Baru*, Disember 1963.
64. "Pagi Ini Aku di Kota" dlm. *Gelanggang Filem*, 1963.
65. "Kuntang" dlm. *Gelanggang Filem*, 1963. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 11.



66. "Perjalanan dalam Hujan Gerimis" dlm. *Berita Minggu*, 19 Januari 1964.
67. "Unique" dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. 8, 3 Mac 1964. Dimuatkan dlm. *Himpunan Sajak*, hlm. 60 - 61.
68. "Suram" dlm. *Gema Dunia*, Mac 1964.
69. "Cincin" dlm. *Berita Minggu*, 5 April 1964.
70. "Peribadi" dlm. *Berita Minggu*, 10 Mei 1964. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 14.
71. "Nehru" dlm. *Berita Minggu*, 7 Jun 1964. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 14.
72. "Justeru Kerana Rasa" dlm. *Berita Minggu*, 19 Julai 1964. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 15.
73. "Lagu Cinta Bapa Tani" dlm. *Berita Minggu*, 9 Ogos 1964. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 15.
74. "Teluk Jiwa" dlm. *Berita Minggu*, 27 September 1964. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 16.
75. "Bertenanglah" dlm. *Berita Minggu*, 18 Oktober 1964.
76. "Debu Waktu" dlm. *Berita Minggu*, 18 Oktober 1964.
77. "Dari Tanjung Karang Bersama Sayang" dlm. *Mingguan Malaysia*, 1 November 1964.
78. "Dari Fronti" dlm. *Utusan Zaman*, 29 November 1964.
79. "Wabak" dlm. *Utusan Zaman*, 29 November 1964.
80. "Adu-Domba" dlm. *Utusan Zaman*, 29 November 1964.
81. "Lahirnya Seorang Anak Tani" dlm. *Penulis*, Thn. 1, Bil. 3-4, Ogos-Disember 1964. Dimuatkan dlm. *Era*, hlm. 2-4.
82. "Hari Kian Mara" dlm. *Berita Minggu*, 6 Disember 1964.
83. "Pengantin" dlm. *Berita Minggu*, 6 Disember 1964.
84. "Ke Dasar Jiwamu" dlm. *Berita Minggu*, 6 Disember 1964.
85. "Roh Ibu" dlm. *Berita Minggu*, 6 Disember 1964.



86. “Kad Putih” dlm. *Berita Minggu*, 6 Desember 1964.
87. “Musim Remaja yang Manis” dlm. *Berita Minggu*, 6 Desember 1964.
88. “Era” dlm. *Berita Minggu*, 10 Januari 1965. Dimuatkan dlm. *Era*, hlm. 5-7.
89. “Hati” dlm. *Utusan Zaman*, 31 Januari 1965.
90. “Panca-Sita” dlm. *Pusaka*, Jil. 1.1., Mac 1965.
91. “Catatan Petani” dlm. *Berita Minggu*, 14 Mac 1965.
92. “Di Kaki Kudrah” dlm. *Utusan Zaman*, 8 Mac 1965.
93. “Kepada Gadis yang Cacat” dlm. *Berita Minggu*, 5 September 1965.
94. “Orang Tengah” dlm. *Berita Minggu*, 5 September 1965.
95. “Dewi Hidup” dlm. *Berita Minggu*, 5 September 1965.
96. “Terbakarlah Bulan Tergigillah Mentari” dlm. *Mastika*, Jil. 25.10, Oktober 1965, hlm. 19. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 18.
97. “Prologue ke Dada Kasih” dlm. *Utusan Zaman*, 17 Oktober 1965. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 19.
98. “Foch Avenue” dlm. *Berita Minggu*, 17 Oktober 1965. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 20.
99. “Jiwa Kotor” dlm. *Mastika*, *Utusan Zaman*, 14 November 1965.
100. “Sayang A” dlm. *Berita Minggu*, 12 Desember 1965. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, dengan tajuk “Sayang Akmar”, hlm. 21.
101. “Pulau Ketam”, (1965). Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 22.
102. “Angkara” dlm. *Berita Minggu*, 9 Januari 1966.
103. “Jawaban” dlm. *Berita Minggu*, 9 Januari 1966.
104. “Buat Yevtushenko” dlm. *Berita Minggu*, 9 Januari 1966.
105. “Titik Hitam” dlm. *Berita Minggu*, 9 Januari 1966.
106. “Lahir-Batin” dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. 10.2, Februari



1966. Dimuatkan dlm. *Himpunan Sajak*, hlm. 63-66.
107. “Manusia” dlm. *Berita Minggu*, 20 Mac 1966. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 24.
108. “Gaung Nuraka Pertama” dlm. *Utusan Zaman*, 20 Mac 1966.
109. “Jiwa Besar” dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 6.4, 15 April 1966. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 17.
110. “Orang Tua dan Kehidupan” dlm. *Berita Minggu*, 28 Mac 1966. Dimuatkan dlm. *Era*, hlm. 8.
111. “Buat Firdaus” dlm. *Berita Minggu*, 28 Ogos 1966.
112. “Wad 10 Katil 14” dlm. *Mingguan Malaysia*, 18 September 1966. Dimuatkan dalam *Timbang Terima*, hlm. 22-23.
113. “Iman dan Nafsu” dlm. *Utusan Zaman*, 25 September 1966.
114. “Rumah Haram” (Percakapan di Rumah Haram) dlm. *Mingguan Malaysia*, 16 Oktober 1966.
115. “Cristmas Eve” dlm. *Mingguan Malaysia*, 18 Disember 1966.
116. “Lagu Kemerdekaan” dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. 11.1, Januari 1967. Dimuatkan dlm. *Himpunan Sajak*, hlm. 61-62 dan *Perintis Sajak-sajak Melayu*, hlm. 81-83.
117. “Change Alley” dlm. *Berita Minggu*, 1 Januari 1967.
118. “Malam Itu Sebuah Hadiah” dlm. *Berita Minggu*, 1 Januari 1967.
119. “Surat” dlm. *Berita Minggu*, 5 Mac 1967. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 26.
120. “Tanah Kasih yang Wangi” dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 5.4, 15 April. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 27.
121. “Dewan Bahasa dan Pustaka” dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 5.7, 15 Julai 1967.
122. “Demi Darah Manis Peribumi” dlm. *Berita Minggu*,



- 30 Julai 1967. Disiarkan juga dlm. *Dewan Bahasa*, Jil. 3.1, Januari 1968. Dimuatkan dlm. *Di Penjuru Matamu*, hlm. 146–147.
123. “Tanah dan Rakyat”, (6 September 1967). Dimuatkan dlm. *Teluk Gong*, hlm. 8 dan *Suara Tujub*, hlm. 41.
  124. “Teluk Gong”, 3 Oktober 1967. Dimuatkan dlm. *Teluk Gong*, hlm. 9 dan *Suara Tujub*, hlm. 39.
  125. “Mereka Telah Ditangkap”, (12 Oktober 1967). Dimuatkan dlm. *Teluk Gong*, hlm. 34.
  126. “Siang Petani di Pandamaran”, Oktober 1967. Dimuatkan dlm. *Teluk Gong*, hlm. 34.
  127. “Malam Petani di Pandamaran”, (Oktober 1967). Dimuatkan dlm. *Teluk Gong*, hlm. 35.
  128. “Rumah dan Tanah” dlm. *Berita Minggu*, 5 November 1967. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 25.
  129. “Perhitungan 1967”, (1967). Dimuatkan dlm. 8 *Di Pantai*, hlm. 1.
  130. “Kepada Amerika”, 1967. Dimuatkan dlm. 8 *Di Pantai*, hlm. 2
  131. “Abad 20”, (1967). Dimuatkan dlm. 8 *Di Pantai*, hlm. 3
  132. “Peradaban” (1967). Dimuatkan dlm. 8 *Di Pantai*, hlm. 5
  133. “Harmoni” dlm. *Berita Minggu*, 21 Januari 1968. Dimuatkan dalam *Timbang Terima*, hlm. 28.
  134. “Platform” dlm. *Berita Minggu*, 24 Mac 1968. Dimuatkan dlm. *Era*, hlm. 12.
  135. “Bunga Takziah” dlm. *Berita Minggu*, 14 April 1968. Dimuatkan dlm. *Suara Tujub*, hlm. 42.
  136. “Kasih Petani Buta” dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 6.5, 15 Mei 1968. Dimuatkan dlm. *Timbang Terima*, hlm. 29.
  137. “Strateji” dlm. *Dewan Masyarakat*, Jil. 6.6, 15 Jun 1968, hlm. 51.
